



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 29 Hari Khamis 3hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

PKNGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 (Ruangan 40)

DN.3.12.87

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis 3hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut

Sekarang saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu aekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"2hb Disember, 1987

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Yang ikhlas,

t. t.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Tang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KAMPUNG-KAMPUNG BARU - KAJIAN

1. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melaksanakan rancangan-rancangan untuk mengubah beberapa Kampung-kampung Baru supaya dijadikan bandar-bandar; dan
- (b) peruntukan wang yang diberi kepada Kampung-kampung Baru tahun ini berbanding dengan peruntukan yang diberikan kepada Kampung-kampung Tradisi.

Tinbalan Menteri Perabangunan Negara dan Luar Bandar [Tuan Ng Cheng Kuai]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan Ahli Yang Berhormat adalah terlalu umum. Walau bagaimanapun, bagi makluman Yang Berhormat, pada tahun 1986 Kerajaan telah menjalankan satu kajian ke atas Kampung-kampung Baru. Hasil kajian ini telah menunjukkan 48 buah Kampung Baru yang mempunyai potensi dan didapati sesuai dibangunkan mengikut strategi pembangunan tertentu. Untuk melaksanakan cadangan kajian di atas pon.mKnkan kewangan sebanyak \$240 juta hendaklah diperolehi daripada Perbendaharaan terlebih dahulu.

Cadangan-cadangan pembangunan Kampung-kampung Baru tersebut akan ditimbang oleh Kerajaan setelah keadaan ekonomi negara menjadi lebih kukuh lagi. Walau bagaimanapun, pembangunan semula Kampung-kampung Baru di seluruh Malaysia merupakan satu proses yang berterusan.

- (b) Seperti yang diputuskan oleh Kabinet, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa kawasan-kawasan Kampung Baru dan Kampung Tradisi hendaklah sama-sama dimajukan tanpa dibeza-bezakan. Oleh itu Kementerian saya tidak dapat memberikan angka-angka berasingan untuk perbandingan peruntukan bagi kedua-dua kawasan,

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di sini saya suka mengemukakan satu soalan tambahan, iaitu ada lebih kurang \$200,000 yang telah dijanjikan ataupun diumumkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk meningkatkan infrastruktur di beberapa Kampung Baru di negeri Melaka, tetapi sehingga hari ini peruntukan ini belum sampai untuk melaksanakan projek, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan?

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, apa jua janji-janji yang telah dibuat memang akan ditunaikan dan tindakan sesuai akan diambil tidak lama lagi.

KONTRAKTOR BUMIPUTERA - PENYERTAAN

2. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan kontraktor Bumiputera di dalam kerja berteknologi tinggi di Lembaga Letrik Negara (LLN).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan amalan Lembaga Letrik Negara mengenai tawaran-tawaran adalah seperti berikut:

- (i) tawaran berkaitan dengan pembekalan barang-barang Lembaga Letrik Negara yang kurang daripada \$100,000 adalah hanya untuk bumiputera sahaja. Nilai bekalan untuk tahun 1987 sehingga bulan Jun adalah sebanyak \$32.8 juta.
- (ii) tawaran mengenai bekalan barang-barang yang lebih daripada \$100,000 adalah terbuka untuk semua, tetapi keutamaan juga diberikan kepada pembekal bumiputera mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan.

Untuk kerja-kerja awam nilai yang kurang daripada \$5 juta, dasar dan amalan Lembaga Letrik Negara adalah menghadkan kepada Bumiputera sahaja. Untuk kategori ini nilai kerja bingga Jun, 1987 adalah sebanyak \$18.6 juta.

Kerja-kerja di mana nilainya lebih daripada \$5 juta adalah terbuka kepada semua pihak. Bahagian Bumiputera dalam kategori ini adalah sebanyak 21% daripada jumlah sebanyak \$386.5 juta. Setelah mengambil kira masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera dalam keadaan kemelesetan ekonomi sejak tiga tahun yang lalu ini, maka Lembaga Letrik Negara telah membuat keputusan pada bulan November tahun ini supaya kerja yang kurang daripada \$5 juta diberikan melalui proses rundingan dengan gabungan kontraktor-kontraktor Melayu. Rundingan ini akan dibuat dengan syarikat (consortium) yang mewakili Persatuan Pemborong-pemborong Pembinaan Bumiputera. Rundingan ini akan dibuat daripada negeri ke negeri. Untuk permulaan rundingan telahpun dibuat dengan consortium yang mewakili kontraktor bumiputera Selangor dan langkah seterusnya akan dibuat dengan gabungan kontraktor-kontraktor bumiputera di negeri Perak.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dibuat untuk meningkatkan penyertaan kontraktor bumiputera dalam kerja berteknologi tinggi adalah seperti berikut:

- (1) Lembaga Letrik Negara telah bersetuju untuk mewujudkan dialog, perbincangan dan program kursus supaya dapat menyampaikan maklumat pengetahuan dan keperluan Lembaga Letrik Negara kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Melalui usaha ini harapan Kementerian adalah supaya mendekatkan kontraktor bumiputera dengan Lembaga Letrik Negara.
- (2) Dalam projek-projek tertentu kontraktor antarabangsa dikehendaki mengambil bahagian

secara usahasama dengan equiti tempatan sekurang-kurangnya 51% dan penyertaan bumiputera tidak kurang daripada 30% keseluruhannya. Syarat ini, dikehendaki khususnya bagi projek-projek di bawah skim Accelerated Transmission Line yang sedang diuruskan sekarang.

- (3) Untuk projek yang dibiayai oleh institusi luar negeri seperti, World Bank dan Asian Development Bank. Lembaga Letrik Negara adalah tertakluk kepada amalan-amalan institusi tersebut. Walaupun begitu, Lembaga Letrik Negara telah berusaha untuk menyarankan kepada mereka mengenai asperasi Kerajaan penyertaan kontraktor bumiputera.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh kerana kerja-kerja perundingan untuk Lembaga Letrik Negara ada implikasinya terhadap matlatnat penyertaan bumiputera maka Lembaga Letrik Negara bercadang untuk membuat polisi supaya kerja-kerja perundingan pada masa hadapan dihadkan kepada perunding-perunding tempatan dan perunding dalaman semoga asperasi Dasar Ekonomi Baru dapat dihayati dan seterusnya dilaksanakan.

PENAGIH NAJIS DADAH - PERANGKAAN

3. Tuan Hassan bin Ram minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada bilangan penagih najis tldah telah bertambah ataupun sndah berkurangan bilangannya sekarang jika dibandingkan dengan tahun 1985 dahulu;

- (b) benarkah bahan najis dadah dan pengedarnya sudah berkurangan sekarang di negara kita ini atau sebaliknya, jika benar adakah dianggap akta pencegahan dadah merbahaya itu telah berkesan atau kerana bahan tersebut harganya sekarang telah melambung tinggi, oleh itu pihak penagih tidak berkemampuan membelinya;
- (c) nyatakan negeri. mana dalam Malaysia yang paling ramai bilangan pengedar dan penagih najis dadah yang dapat dikesan serta ditangkap di negara kita ini dan
- (d) berapa banyakkah bilangan tempat pemulihan penagih dadah dan jumlah bilangan penagih dadah yang sedang menjalankan pemulihan di tiap-tiap tempat pemulihan itu dan nyatakan kos di tanggung oleh Kerajaan pada tiap tahun perbelanjaan pemulihan itu.

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

- (a) Kalau diperhatikan dari perangkaan didapati sejak tahun 1985 hingga Oktober 1987 jumlah penagih-penagih dadah yang dikesan buat pertama kali. adalah semakin berkurangan seperti berikut:-

1985-	9,591
1986 -	7,329
1987	
(hingga 31.10.87)-	6,239

(b) Kemasukan dadah heroin dan morphine ke negara kita pada tahun ini berkurangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Namun begitu, kemasukan dadah ganja adalah meningkat. Ini adalah berdasarkan kepada rampasan-rampasan yang dibuat sepanjang tahun ini. berbanding tahun lepas di mana kenyataan seperti berikut:

	1986	1987
Candu mentah	195.89 kg	163.89 kg
Heroin	112.6 kg	32.34 kg
Morphine	3.61 kg	0.45 kg
Ganja	589.73 kg	790.02 kg

Berkurangan kemasukan dadah heroin dan morphine adalah kesan dari tindakan tegas Kerajaan melaksanakan undang-undang dadah yang keras seperti Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Ordinan Darurat 1969 sejak akhir-akhir ini. Pengedar-pengedar dadah antarabangsa telah mula mengelakkan dari menggunakan Malaysia sebagai negara transit untuk menyeludup dadah ke luar negeri. Pada tahun ini, tidak ada kes percubaan menyeludup dadah ke luar negeri yang dikesan.

Bilangan pengedar dadah yang di.kesan dan di-tangkap pula adalah seperti. berikuit:-

	1986	1987
Di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952	456	417
Di bawah Akta Dadah Bei-bahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas 1985)	348	257

Walaupun jumlah pengedar yang dikesan dan di-tangkap masih lagi ramai tetapi ini bukan bermakna Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tidak berkesan, malah ia adalah satu Akta yang berkesan dalam tindakan membanteras kegiatan dadah di negara ini. Ia telah menjadi 'deterrent', dengan izin, berdasarkan kepada Perintah Tahanan/Sekatan yang boleh dilanjutkan derigan tidak terhad,

- (c) Negeri yang pali.ng ramai bilangan pengedar dadah yang telah di.tangkap di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, Ordinan Darurat 5/69 dan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 bagi tempoh 1980 - September 1987 ialah Johor (1,061), Wilayah Persekutuan (1,021) dan Pulau Pinang (903). Manakala bilangan penagih yang telah dlkesan buat kali pertama bagi tempoh 1976 - September 1987 ialah Pulau Pinang (21,745), Perak (20,770) dan Johor (16,339).

(d) Sekarang ini. terdapat sebanyak 7 buah pusat pemulihan dadah di seluruh negara dengan kemampuan merawat dan memulih seramai 2,420 orang penagih pada satu-satu masa. Jumlah kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan pada setiap tahun untuk menyelenggara semua pusat pemulihan dadah adalah seperti. berikut:-

Tahun	Bil Pusat	Muatan	Kos Perbelanjaan
1985	6	1,780	\$7,140,600.00
1986	7	2,050	\$8,167,200.00
1987	7	2,420	\$9,293,000.00

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan ataupun program yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membantu bekas-bekas penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dabulu. Ini soalan tambahan - asasnya di. dalam pertanyaan apa yang berkenaan di sini.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan bekas-bekas penagih yang di.bebaskan dari.pada Pusat Pemulihan Dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah masuk dalam pertanyaan ini?

Tuan Ng Peng Hay: Di bahagian (d) ada di. sebutkan Pusat Pemulihan Dadah. Kerana kita semua dapat tahu bahawa kebanyakan bekas-bekas penagih dadah apabila lepas daripada Pusat Pemulihan Dadah, mereka tidak dapat pulang ke pangkuan masyarakat.

Oleh itu, saya suka bertanya soalan tambahan apakah tindakan ataupun program yang disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk membantu bekas-bekas penagih selepas dibebaskan daripada pusat pemulihan dadah?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pusat-pusat pemulihan yang ada ini adalah juga mereka ini diajar ataupun dipandukan supaya setelah mereka keluar daripada pusat ini akan dapat memulakan hidup yang baru. Di samping itu, saya percaya bahawa pihak pusat pemulihan dan juga Jabatan-jabatan yang berkaitan sentiasa memerhatikan tenaga~tenaga yang telah keluar ini sama ada mereka mempunyai masalah ataupun tidak.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan. Selepas menjalani kesan pemulihan dadah, terdapat juga sebahagian daripada mereka menjadi penagih dadah semula. Apakah sebab-sebabnya dan bagaimana boleh kita menjaga tabiat tersebut dengan lebih berkesan?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal penagihan dadah ini adalah berkait dengan sikap diri kita sendiri. Sebenarnya tidak ada siapa yang dapat mengubah diri kita melainkan diri kita sendiri. Jadi kalau dipulihkan mereka, ditahan mereka ataupun dihukum mereka, pada akhirnya bila mereka juga mahu balik menghisap dadah tidak ada siapa yang dapat mengubat. Ini memerlukan satu perubahan sikap dengan bersungguh-sungguh oleh penagih dadah itu dan kalau mereka mahu berhenti, sebenarnya mereka boleh berhenti. Kalau mereka mahu hisap balik semula dan menyalahgunakan dadah ini, pastilah perkara itu akan berlaku semula.

GURU SANDARAN DISERAPKAN KE JAWATAN TETAP

4. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau bercadang menyerapkan guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelulusan Darjah 7/"Preparatory Examination for Tamil Teachers" yang kini berada dalam Skim Pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori B3 ke jawatan tetap dalam Kategori B1 atau B2 memandangkan:

- (i) kelulusan "Preparatory Examination for Tamil Teachers" adalah kelulusan perguruan yang diiktiraf semasa itu;
- (ii) jenis guru yang terlibat adalah sangat kurang, tidak melebihi 70 orang;
- (iii) penyerapan ke jawatan tetap akan mengatasi kekurangan guru di SRJK(T) seluruh negara; dan
- (iv) guru-guru ini telah berkhidmat berpuluh-puluh tahun secara sementara dan usia mereka kini hampir 50 tahun.

Jika Kementerian tidak bercadang menyerapkan mereka ke jawatan tetap, kenapa. Jika ya, bila dan bagaimanakah ianya akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang menyerapkan guru-guru sandaran tanpa latihan yang mempunyai kelulusan Darjah 7 ('Preparatory Examination for Tamil Teachers) yang kini berada dalam Skim Pegawai Perkhidmatan Pelajaran kategori B3 ke jawatan tetap dalam kategori B1 atau B2. Keadaan ini berlaku kerana:

- (i) guru-guru ini tidak mempunyai latihan perguruan, maka mereka tidak layak untuk dilantik ke jawatan tetap;
- (ii) kelulusan "Preparatory Examination for Tamil Teachers", dengan izin, adalah tidak diiktiraf sebagai kelayakan perguruan; dan
- (iii) tidak menenuhi syarat-syarat perlantikan mengikut Skim-skim Perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Tuan C. Rajoo: Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang memberi satu konsesi kepada guru-guru golongan ini untuk memberi kehidupan masa depan yang cerah dan menyerapkan mereka ke jawatan tetap dan apakah akan menjadi kepada masa depan mereka jika raereka terus berkhidmat sebagai pegawai sementara?

Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaminkan masa depan kita tidak dapat mengatakan kerana perkhidmatan-perkhidmatan ada tertakluk kepada peraturan-peraturan tertentu tetapi dalam perkara ini Kementerian Pendidikan pun telah berusaha di mana Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan telahpun mengemukakan nama-nama guru yang terlibat ini supaya mereka dapatlah dimasukkan untuk latihan perguruan oleh Bahagian Pendidikan Guru dan menerusi ini dapatlah masuk ke dalam perkhidmatan yang mengikut syarat-syarat yang ditetapkan,

PERUMAHAN KOS RENDAH

5. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan Negeri menyokong objektif Kerajaan untuk menyediakan sebanyak 90,000 unit perumahan di negara kita dalam jangka waktu setahun. Jikalau objektif tersebut telah mendapat sambutan yang dingin sahaja, kenapa pula demikian.

Timbalan Nenteri Prumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu Yang Berhormat sahabat saya ini untuk soalan yang ke 5 ini, sebenarnya matlamat Kerajaan adalah untuk menyediakan 80,000 unit rumah kos rendah, bukan 90,000 setahun di dalam jangka 3 tahun. Setakat tni Kerajaan-kerajaan Negeri telah memberi sokongan yang agak menggalak dan memuaskan kepada Kementerian. Contohnya, bahawa bagi tahun pertama sahaja perancangan di bawah projek khas rumah kos rendah sebanyak 120 rancangan telah dilaksanakan yang mengandungi 41,402

unit rumah, ini bermakna 53%. Manakala di tahun keduanya 116 projek telah dilaksanakan yang merangkumi 49,278 unit. Kesemua perancangan-perancangan ini adalah dilaksanakan di atas tanah Kerajaan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Di samping itu pihak Kerajaan-kerajaan Negeri selain daripada menyediakan tanah-tanah Kerajaan juga telah memberi kemudahan-kemudahan kepada pihak swasta yang akan melaksanakan perancangan-perancangan rumah murah ini dengan secara mengurangkan piawaian perancangan dan infrastruktur tanpa menjejaskan tahap keselesaan dan keselamatan rumah-rumah yang dibina, mengurangkan kadar bayaran premium bagi tukar syarat dan pecah sempadan tanah, mempercepatkan proses kelulusan dengan secara mewujudkan sebuah Jawatankuasa untuk menguruskan bagi memberi perakuan kepada tanah dan perancangan perumahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Kerajaan insya Allah akan tercapai, namun bagaimana di bawah satu perancangan yang begini besar barangkali masanya akan menghadapi sedikit kelewatan tetapi sungguhpun begitu, matlamat untuk dikehendaki pada 240,000 unit dalam tempoh 3 tahun ini, saya yakin pihak Kementerian akan berusaha bersama-sama dengan pihak swasta untuk mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni.

Tuan Paramjit Singh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 6.

KEWARGANEGARAAN - SEMAKAN SEMULA PERUNTUKAN

6. **Tuan Paramjit Singh [di bawah S.O. 23[2]]** minta Menteri Dalam Negeri menerangkan sama ada Kerajaan bercadang menyemak Akta kewarganegaraan dan meminda bahagian-bahagian yang dianggap lemah, supaya keputusan-keputusan atau kuasa-kuasa yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri tentang memansuh hak kewarganegaraan seseorang tidak dicabar oleh keputusan Mahkamah.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Balam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula perkara-perkara tertentu mengenai kewarganegaraan yang diperuntukkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan juga memperuntukkan bahawa keputusan Kerajaan ke atas mana-mana permohonan kewarganegaraan Malaysia tidak boleh dirayu atau dikaji semula oleh mana-mana Mahkamah.

TAMAN TEKNOLOGI - PERKEMBANGAN

7. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah perkembangan cadangan Kementeriaannya bagi menubuhkan "Science Park" yang telah diura-urakan dahulu. Apakah tujuan penubuhannya dan adakah Kementeriaannya telah mendapat peruntukan yang mencukupi bagi projek tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Dato' Amar Stephen Yang Kuet Tze]: Tuan Yang di-Pertua, kajian kemungkinan bagi penubuhan "Science Park" atau sebenarnya yang digelar Taman Teknologi (Technology Park) telah dijalankan. Tujuan-tujuan Taman Teknologi adalah:

- (a) menggalakkan perhubungan timbal balas (inter-action) di antara universiti dan institusi pendidikan dan pembangunan dengan kalangan perusahaan;
- (b) untuk menggalakkan kemajuan perusahaan yang berdasarkan pengetahuan (knowledge based industry);
- (c) menyediakan saluran bagi pemindahan teknologi yang diimport dan perkembangan serta penyebaran teknologi tempatan;
- (d) membantu dalam pembangunan keusahawanan dalam projek-projek inovatif yang mempunyai keupayaan pertumbuhan yang tinggi yang menggunakan teknologi baru;
- (e) menggalakkan penggunaan sains dan teknologi bagi mewujudkan pekerjaan, kekayaan dan pertumbuhan perusahaan; dan
- (f) mewujudkan peluang-peluang dan keadaan yang sesuai bagi membiayai 'venture capital' dalam pembangunan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diluluskan bagi projek ini berjumlah \$20 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Setakat ini peruntukan yang diberi dianggap mencukupi.

SISWAZAH MENGGANGGUR

8. **Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha penyelesaian yang dilakukan bagi siswazah-siswasah menganggur.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai program-program yang tertentu untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswaah.

Memandangkan masalah pengangguran siswazah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi yang lembab, maka Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Kerajaan antara lain telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan yang bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara ini.

Di samping itu langkah-langkah juga sedang dibuat untuk memasukkan program bercorak keusahawanan dan perniagaan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan di negara ini dan juga cuba menyesuaikan program pengajian dengan keperluan tenaga manusia atau kehendak pasaran buruh.

Seperti mana Ahli yang Berhormat sedia maklum, suatu Jawatankuasa Kabinet telah dibuhkan untuk mengkaji masalah pengangguran di kalangan siswazah serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan masalah sosial ini.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa ini termasuk Skim Latihan Khas (SLK) dan Skim Penempatan Siswazah di agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta yang berjumlah 18

semuanya iaitu PETRONAS, MAS, Sime Darby, MISC, Guthrie, PNB, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, MCIS, Malayan Banking, Malaysian International Chamber of Commerce & Industry, Malay Chamber of Commerce & Industry, Malaysian Employees' Federation, Eederation of Malaysian Manufacturers, Association of Finance Companies, Associated Chinese Chamber of Commerce, National Chamber of Commerce & Industry, Associated Indian Chamber of Commerce dan General Insurance Association of Malaysia.

PENYELUDUPAN BERAS - TINDAKAN

9. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pertanian menyatakan berbagai tindakan diambil untuk mencegah penyeludupan beras ke Malaysia. Namun demikian kegiatan ini tidak berkurangan banyak, Mengapakah Kerajaan tidak membenarkan sahaja kemasukan beras Thai dengan mengenakan cukai dan A.P.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato'Alexander Yu Lung Lee]:

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang berkaitan dengan pencegahan penyeludupan adalah terletak di bawah bidangkuasa beberapa Jabatan dan agensi tertentu seperti Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja, Polis dan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP).

Sebagai salah satu anggota UPP, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) juga terlibat membantu Unit tersebut menjalankan operasi-operasi mencegah kegiatan-kegiatan menyeludup beras di kawasan-kawasan sempadan terutamanya sempadan Malaysia-Thailand.

Walau bagaimanapun, selaras dengan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan melalui LPN, peranan dan tindakan agensi ini di dalam mencegah penyeludupan beras adalah lebih penting sebagai pertahanan barisan kedua atau, dengan izin, second line of defence.

Tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh LPN adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan pemeriksaan ke atas pelesen-pelesen yang meliputi pengilang padi, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit beras bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan kegiatan menerima dan mengedarkan beras seludup;
- (ii) mengadakan rondaan di jalan raya dan kawasan-kawasan tertentu yang disyaki berlaku kegiatan penyeludupan beras dan kesalahan-kesalahan lain mengikut undang-undang di bawah LPN.
- (iii) membuat intipan dan serbuan di tempat-tempat tertentu terutamanya di kawasan sempadan di mana kegiatan tersebut disyaki sedang dijalankan;
- (iv) mengadakan sekatan jalan raya bagi merapastikan tidak ada beras-beras seludup dipindahkan dari negeri-negeri sempadan ke negeri-negeri lain di Semenanjung;
- (v) menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan awam seperti bas, keretapi dan teksi dan merampas beras-beras seludup yang ada di dalam kenderaan tersebut bagi menghalang kegiatan memindahkan beras seludup ke tempat-tempat lain dalam negara ini; dan
- (vi) menjalankan pemeriksaan dan rampasan beras seludup di tempat-tempat perniagaan seperti pasar besar, pasar terbuka dan di tempat-terapat awam seperti perhentian bas/teksi terutama di negeri-negeri sempadan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati dengan adanya tindakan-tindakan yang disebutkan di atas tadi, kegiatan penyeludupan beras Thai ke negara ini dapat dikawal walaupun tidak dapat dihapuskan secara total disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan sempadan Malaysia-Thailand yang luas, faktor pemeliharaan dan citarasa pengguna di negara ini dan faktor harga.

Walau bagaimanapun, sebagai tindakan jangka panjang saya berpendapat gejala-gejala yang tidak sihat tersebut boleh diatasi secara beransur-ansur melalui usaha-usaha yang berterusan dari semua pihak di dalam mempertingkatkan mutu dan daya pengeluaran beras tempatan supaya dapat bersaing dan sekurang-kurangnya setanding dengan mutu dan harga beras import.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan kedua, pengimportan beras dari negara-negara luar, termasuk Thailand adalah bagi menampung keperluan beras di negara ini. Seperti dimaklumi, pengeluaran beras negara kita masih belum dapat memenuhi sepenuhnya keperluan rakyat negara ini. Oleh itu, Kerajaan hanya membeli beras dari luar pada jumlah yang secukupnya sahaja bagi menampung kekurangan itu.

Pada masa ini, urusan pembelian dan pengimportan beras dari negara-negara luar hanya dijalankan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara sahaja. Kerajaan tidak membenarkan mana-mana pihak lain mengimport beras dari negara luar. Ini bertujuan semata-mata untuk melindungi pengeluaran beras terapan dan industri padi dan beras di negara ini pada keseluruhannya. Pemasaran dan penggunaan beras-beras tempatan wajiblah dipastikan dan dijamin terlebih dahulu dan sekiranya pengimportan beras dari luar dibenarkan sudah pasti pemasaran dan penggunaan beras-beras tempatan akan terjejas yang mana akhirnya akan memberi kesan yang tidak sihat kepada industri padi dan beras di negara ini.

Pua Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian menyedari bahawa setengah daripada mereka yang menyeludup beras ke Malayaia ada mempunyai kaki-kaki yang tertentu yang mana semasa pemeriksaan beras yang diseludup itu dilepaskan begitu sahaja?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kami tidak mendapat tuduhan-tuduhan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi jikalau ada kes-kes yang spesifik, silalah beritahu kes itu kepada kami untuk disiasat.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar terdapat setengah peniaga yang tidak jujur yang mencampurkan beras berkualiti rendah dengan beras yang berkualiti baik dan menjual dengan harga yang tinggi? Jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mencegah kegiatan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini saya banyak kali sudah jelaskan, bila mahu buat soalan tambahan, soalan itu mesti ada asas, that is relevant to the question that has been asked. Soalan tambahan itu tidak berkait, jadi saya rasa tak usah dijawab.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa tidak bangun tadi? Sudahlah [Ketawa] Yang Berhormat Tuan Bee Yang Sek.

HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

10. **Tuan Bee Yang Sek** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang negara dan jumlah faedah yang dikenakan setakat 30.6.87;
- (b) sama ada Kerajaan kita mampu membayar faedah ini; dan
- (c) bilakah dijangka jumlah hutang ini akan dikurangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 30.6.87 ialah \$78 billion yang sebahagian besar daripadanya ialah pinjaman dalam negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah faedah yang telah dibayar dari bulan Januari hingga 30.6.87 ialah \$2.15 billion.
- (b) Kerajaan mampu dan berupaya membayar faedah atas pinjaman yang diambil. Segala pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan digunakan membiayai projek-projek yang menyumbangkan terhadap pembangunan ekonomi dan pertambahan pendapatan negara.
- (c) Kerajaan adalah senantiasa mengawasi kedudukan hutang negara dan tindakan sedang diambil untuk mengurangkan pinjaman terutamanya dari luar negeri. Selaras dengan usaha mengurangkan jumlah hutang tersebut, Kerajaan juga telah membuat bayaran awal (prepayment) pinjaman-pinjaman luar negeri yang mempunyai kadar faedah yang tinggi.

Dr. Nordin Selat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya minta Timbalan Menteri menerangkan negara manakah yang kita banyak terhutang sekali.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai data-datanya di sini tetapi kalau boleh saya ingin mendapat notis untuk memberi jawapan yang lebih lengkap.

Tuan Haji Abu bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dan sejauh manakah kesan untuk mengelakkan masalah pertambahan hutang negara yang disebabkan oleh perubahan dalam nilai mata wang kita berbanding dengan negara memberi pinjaman?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah yang telah saya katakan tadi ialah kita telahpun mengurangkan pinjaman daripada luar negeri dan kita telahpun membuat prepayment ataupun bayaran awal seperti yang diterangkan tadi. Jadi sekarang sebahagian besar daripada pinjaman-pinjaman adalah daripada dalam negeri. Kelmarin, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang yang berbunyi Bil Perbendaharaan (Tempatan) yang membenarkan kita menambah mengeluarkan bil-bil Kerajaan untuk pembiayaan pinjaman dalam negeri.

BUKU MERAH II

11. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan- Buku Merah II yang dilancarkan oleh beliau di Batu Pahat itu. Adakah Kerajaan menyedari bahawa Buku Merah Pertama, semasa Allahyarham Tun Abdul Razak dulu tidak lengkap.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di.-Pertua, di antara tujuan Buku Merah II yang dilancarkan di Batu Pahat tidak lama dulu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah:-

- (i) Menggerakkan aktiviti ekonomi. di peringkat daerah ke arah membantu pertumbuhan ekonomi negara.
- (ii) Menggembeting dan menyelacas semua agensi-agensi. Kerajaan di peringkat daerah ke arah membangunkan daerah dengan lebih bersepadu untuk mendapatkan faedah yang setinggi-tingginya dengan kos yang serendah-rendah mungkin.
- (iii) Menggetnbeling sektor swasta, pertumbuhan-pertumbuhan sukarela dan penduduk-penduduk tempatan supaya berganding bahu dengan agensi.-agensi. Kerajaan untuk pembangunan sesuatu daerah.
- (iv) Meningkatkan lagi. kecekapan dan melicinkan lagi. jentera pentadbiran di semua peringkat terutamanya di daerah-daerah untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan dan untuk memberikan perkhidmatan yang sebaik-baiknya kepada rakyat.

Mengenai Buku Merah yang dilancarkan di zaman Allahyarham Tun Abdul Razak, ianya adalah bertujuan untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat bagi mengetahui tahap ketnajuan kawasan luar bandar terutamanya mengenai kemudahan-keperluan awam dan infrastruktur yang diperlukan bagi mempertingkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Dalam hubungan ini, soal Buku Merah dahulu tidak lengkap adalah tidak timbul. Ianya adalah lengkap dan memenuhi keperluan-keperluan pada ketika itu. Melalui sistem Buku Merah, teknik "Bilik Gerakan" telah diperkenalkan. Tiap-tiap daerah mempunyai Bilik Gerakannya sendiri yang menjadi nadi pembangunan di daerah. MERAHDUA yang dilancarkan pada tahun ini adalah merupakan satu kesinambungan kepada matlamat dan semangat Buku Merah ini. Walau bagaimanapun, MERAHDUA mengambilkira perubahan-perubahan yang telahpun berlaku sejak Buku Merah dilaksanakan. Maklumat MERAHDUA adalah lebih menyeluruh termasuk bandar dan luar bandar sejajar dengan keperluan-keperluan Dasar Ekonomi Baru. MERAHDUA juga merangkumi aspek-aspek perancangan di samping pelaksanaan dan pengesanan projek-projek pembangunan. Dengan pelancaran MERAHDUA nyatalah Kerajaan sentiasa peka kepada kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan semasa dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan kekesan rancangan-rancangan pembangunan negara amnya di negara ini dan di luar bandar khususnya.

BERAS - IMPORT

12, **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) jumlah nilai import beras tahun 1986 dan tahun ini;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan import berkenaan; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan membenar import padi bagi kuota tertentu, memandangkan harganya lebih murah daripada import beras.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ada second chance untuk soalan tambahan berkaitan dengan beras. **[Ketawa]**

Berkenaan dengan jawapan:-

- (a) Jumlah nilai import beras bagi tahun 1986 ialah \$118,058,800 (191,180 tan metrik) sementara bagi 11 bulan pertama tahun ini iaitu sehingga 30hb November baru-baru ini pula bernilai \$82,793,500 (179,336 tan metrik).
- (b) Kementerian Pertanian melalui Dasar Pertanian Negara telahpun menetapkan bahawa pengeluaran beras negara pada masa-masa akan datang adalah ditumpukan kepada 8 kawasan jelapang padi negara. Pada masa ini, kawasan-kawasan tersebut telahpun menyumbang kira-kira 65% daripada keperluan penggunaan negara. Sekiranya lain-lain kawasan diambil kira, Semenanjung Malaysia sahaja telah berupaya mengeluarkan 80%-85% daripada keperluan negara. Ini bermakna bakinya sebanyak 15%-20% adalah terpaksa diimport.

Bagi mengurangkan import beras, pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:-

- (i) Menambahkan pengeluaran padi dan beras melalui perladangan secara komersial, penggunaan teknologi moden, program kawalan musuh dan penyakit yang berkesan serta mempergiatkan khidmat sokongan.
 - (ii) Meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras melalui penyelidikan dan pengembangan yang intensif; dan
 - (iii) Menjalankan kempen menggalakkan rakyat memakan beras tempatan, sayur-sayuran dan daging.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan pengimportan padi bagi suatu kuota tertentu kerana adalah menjadi dasar bahawa hanya Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sahaja dilantik sebagai pengimport tunggal beras iaitu dengan alasan-alasan seperti berikut:-
- (i) Padi dan beras merupakan bahan makanan strategik.
 - (ii) Menyelaraskan kerja-kerja yang berkaitan dengan pembelian dan penjualan beras.
 - (iii) Memberikan subsidi harga bagi padi tempatan.
 - (iv) Mengawal dan menstabilkan harga beras; dan
 - (v) Melindungi kepentingan para petani.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar Lembaga Padi dan Beras Negara sahaja yang diberi kebenaran oleh Kerajaan untuk mengimport beras atau ada orang-orang perseorangan yang diberi kebenaran?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah membelanjakan kos yang besar untuk mencegah penyeludupan beras ke negara kita. Kenapakah tidak Kerajaan membuat kajian bagi menambahkan hasil pendapatan Kerajaan dengan menggunakan cukai dan mengeluarkan AP dan membenarkan import beras daripada negara jiran kita iaitu dari Thailand?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Prtua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, beras ialah satu bahan makanan strategik dan juga kita ada stockpile dan tidak dapat diumumkan kepada orang awam beberapa banyakkah stokpile ini. Oleh itu kita tidak benarkan sesiapa pun mengimport beras kecuali LPN.

Berkenaan dengan menambahkn pendapatan, LPN pun telah dapat hasil pendapatan daripada beras yang diimport oleh sebab kos beras yang diimport adalah begitu rendah kalau dibandingkan dengan kos beras keluaran tempatan. Oleh sebab harganya adalah dikawal, semua beras yang dijual oleh LPN adalah pada satu harga yang tertentu dan keuntungan yang LPN dapat daripada beras yang diimport adalah untuk subsidi bagi beras keluaran tempatan.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja, sila.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan menyedari terdapatnya setengah peniaga yang tidak jujur yang mencampurkan beras kualiti rendah dengan beras berkualiti baik dan menjualnya dengan harga yang tinggi.? Jika ya.....

Tuan Yang di-Pertua: Maaf, Yang Berhormat.

Puan Law Jack Yoon: Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kegiatan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali Yang Berhormat tidak faham saya yang mana satu berkenaan dengan soalan tambahan, sebab di dalam pertanyaan ini ada tiga bahagian dan saya tidak tengok ada perkara yang bersangkutan dengan pertanyaan Yang Berhormat. Jadi, ia terpaksa tidak dipakai, tidak usah dijawab. Kalau tidak puas hati dengan jawapan itu, kita boleh mengemukakan satu lagi pertanyaan baru dan boleh disoal dalam persidangan yang lain.

PROJEK SEKOLAH YANG TERBENGGALAI

13. Tuan Shaik Dawood minta Menteri. Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan 21 projek sekolah yang terbengkalai di Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. 21 projek sekolah yang terbengkalai di Pulau Pinang itu melibatkan 16 projek tambahan, 3 projek baru dan 2 projek gantian. Oleh kerana pihak kontraktor gagal menyiapkan projek dalam masa yang ditentukan, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mempercepatkan kerja-kerja menyiapkannya:

- (i) memansuhkan kontrak bagi kerja-kerja yang ter-bengkalai;
- (ii) menender semula projek tersebut sebaik sahaja pemansuhan kontrak asal di.buat;
- (iii) menggesa pihak kontraktor menyiapkan segera projek berkenaan dan menjalankan kerja dalam tempoh denda khasnya bagi projek pembinaan Sekolah Menengah Teluk Air Tawar.

PASUKAN BOMBA

14. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilakah sebuah Pasukan Bomba akan ditubuhkan di Mantin;
- (b) sekiranya pengecualian cukai. akan diberikan kepada penderma-penderma yang memberi sumbangan sukarela terhadap penubuhan Pasukan Bomba di daerah-daerah lain; dan
- (c) sekiranya Pasukan Bomba telah ditubuhkan di daerah-daerah lain oleh residen-residen sendiri. Jika ya, di mana dan jika tidak, apakah bantuan, galakan dan dorongan yang akan di.berikan oleh Kementerian untuk sesiapa yang menubuhkan Pasukan Bomba secara sukarela.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, andainya balai bomba yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya ini, maka sebidang tanah telahpun diambil alik. Tetapi sekiranya pasukan sukarela yang dimaksudkan, maka pasukan itu bolehlah ditubuhkan oleh masyarakat setempat di bawah Akta Pertubuhan dengan pandangan dan sokongan daripada pihak Jabatan Bomba jajahan atau negeri.

Pandangan yang kedua daripada Yang Berhormat sahabat saya ini adalah amat baik. Yang demikian, lebih baik andainya disusurkan kepada Menteri. Kewangan.

Berbalik kepada soal pengwujudan pasukan-pasukan sukarela, memang setakat ini di seluruh negara kita mempunyai 54 buah pasukan sukarela yang aktif dan cergas yang di antaranya ialah pasukan bomba sukarela di:

- (i.) Kaki Bukit, Perlis
- (ii) Padang Besar, Perlis
- (iii) Tunjang, Kedah
- (i.v) Changloon, Kedah
- (v) Kodiang, Kedah
- (vi) Kubang Pasu, Kedah
- (vii) Sik, Kedah
- (viii) Kuala Kedah, Kedah
- (ix) Pokok Sena, Kedah
- (x) Kuala Nerang, Kedah
- (xi.) Bagan Ajam, Pulan Pinang
- (xii) Pulau Ketam, Selangor Darul Ehsan
- (xiii) Simpang Pertang, Negeri Sembilan
- (xiv) Titi, Negeri. Sembilan
- (xv) Rantau Panjang, Kelantan

Sumbangan yang boleh diberi oleh pihak Jabatan Bomba di antaranya ialah membimbing, mengajar, melatih anggota-anggota keluarga pasukan Bomba sukarela ini agar ianya mereka akan menjadi anggota-anggota sukarela Bomba yang sempurna.

PAJAK GADAI

15. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dan meinberi penjelasan mengenai kedudukan Pajak Gadai di Malaysia di. mana:

- (a) sejauhmanakah sistem ini berkesan dalam membantu para pengguna yang berkesempitan kewangan terutamanya dari masyarakat bawahan;
- (b) adakah pihak Kerajaan hercadang untuk mengurangkan pengeluaran lesennya dari semasa ke semasa memandangkan ianya bercanggah dengan akidah Islam, dan apakah perancangan Kerajaan selanjutnya dalam hal ini dan
- (c) sedarkah pihak Kerajaan bahawa kebanyakan dari Pelesen Pajak Gadai ini. adalah pemeras dan tidak patuh kepada syarat dan undang-undang yang telah ditentukan. Apakah kawalan yang sedang di.atur, dibuat bagi tnenentukan bahawa para pengguna akan sentiasa mendapat perlindungan haknya.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sistem yang dijalankan adalah atnat berkesan kerana ini mernberi kemudahan kepada masyarakat-masyarakat yang inginkan pinjaman serta-merta. Keadaan ini amat ketara terutama di. awal-awal tahun tatkala orang-orang ramai khususnya ibubapa memerlukan kepada peruntukan-peruntukan serta-merta bagi persekolahan anak-anak mereka kerana pinjaman secara ini tanpa di bawah proses yang mengambil masa.

Setakat ini Kerajaan dan pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengurangkannya. Namun begitu, bagi memperimbangkan dengan penerapan nilai-nilai Islam, satu cara secara kelslaman telahpun dikaji oleh pihak Jabatan Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri. Kajian-kajian ini telahpun diedarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bagi menjamin masyarakat tidak akan dipersalahkan oleh pihak-pihak pemajak, maka di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah ada satu pasukan pegawai penguatkuasa yang sentiasa memberi perhatian dan mengadakan lawatan-lawatan mengejut ke semua kedai-kedai pajak ini.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar surat pajak gadai yang diberi adalah dari kertas yang mutunya sangat rendah dan tulisan mengenai syarat-syarat atau peraturan di atasnya tidak jelas dan diburukkan lagi. apabita cop dan mohor kedai itu sengaja dicopkan atas tempat peruntukan kadar faedah untuk mengelirukan rakyat? Nyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengarahkan semua pajak gadai mencetak suratnya dalam kertas yang berjenis elok dan syarat-syaratnya dicetak sebelah belakang kertas itu dengan terang?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mutu tiketnya tidak penting, yang penting wang pinjamannya [Ketawa]. Di dalam soal tiket yang telah di beri oleh pihak petnajak, biasanya mengikut kehendak-kehendak mereka asalkan tidak menyalah peraturan yang telah ditentukan yang mana dimestikan Bahasa Kebangsaan hendaklah dipergunakan dengan jelas di samping boleh mempergunakan bahasa-bahasa yang lain untuk kemudahan para-para peminjamnya. Dan andainya ada sesuatu penyelewengan sebagaimana yang dibimbangkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat, beliau bolehlah memberitahu kepada Kementerian kami. dan pegawai penguatkuasa akan bertindak dengan serta-merta.

Tuan G. Rajoo: Tujuan saya ialah bukan kertas mutu yang baik, sebab kertas surat itu terkoyak dalam satu dua bulan....

Tuan Yang di-Pertua: Hold on. Sudahpun diberi jawapan. Jikalau ada lagi soalan, tolong bawa kepada Kementerian yang boleh minta pegawainya membuat siasatan. Apa lagi hendak ditambah? Sudahlah [**Ketawa**].

Tuan Haji Hamid Araby bio Mohd. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah boleh Kementerian berkenaan berhenti metn-beri lesen baru kepada pemohon-pemohon yang hendak menjalankan pajak gadai?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran lesen adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Hanya-lah dengan persetujuan bagi pihak Kernenterian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Biasanya lesen dtkeluarkan kepada pemajak-pemajak dengan secara tender di. dalara tempoh tiga tahun sekali. Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberhentikannya kerana ini adalah satu sistem yang boleh membantu masyarakat yang memerlukan kepada pinjaman serta-merta.

PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

16. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa ramaikah setakat ini pencerobohan nelayan-nelayan asing ke dalam perairan Malaysia;
- (b) berapa banyakkah ikan-ikan kita dicuri oleh nelayan-nelayan asing ini dalam masa setahun;
- (c) adakah projek usahasama untuk menangkap ikan di laut dalam itu mendapat sokongan dari nelayan kita; dan
- (d) adakah benar sebab nelayan kita tidak mahu projek usahasama itu adalah disebabkan pengalangan nelayan-nelayan kita tidak percaya kepada nelayan Thai kerana mereka ini kebanyakannya terdiri daripada orang-orang yang tidak anianah dan terdapat juga mereka yang berperangai kurang baik dan mempunyai senjata yang merbahaya di dalam bot-bot mereka.

Dato' Alexander Yu Lung Lce: Tuan Yang di~Pertua, untuk jawapan

(a), pihak Kerajaan memang memandang serius serta berat akan masalah pencerobohan bot-bot nelayan asing ke dalam kawasan Perairan Perikanan Malaysia.. Mereka ini bukan sahaja menjalankan tangkapan secara haram di perairan perikanan negara tetapi juga sering merosakkan alat-alat menangkap ikan nelayan tempatan. Sehingga 24hb November, 1987 baru-baru ini sejumlah 101 buah bot-bot menangkap ikan nelayan asing telah ditangkap oleh pihak berkuasa dengan sejumlah nelayan seramai 940 orang.

(b) Adalah agak sukar untuk menentukan jumlah sebenar ikan-ikan yang telah dicuri setiap tahun oleh para nelayan asing itu. Namun begitu, adalah dianggarkan bahawa sejumlah 100,000 metrik tan dicuri setiap tahun.

Berkenaan jawapan (c) dan (d), Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek usahasama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu, saya fikir masih ramai lagi. bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi masyarakat umum yang mempunyai anggapan yang salah terhadap projek kerjasama itu sebagai satu projek perikanan usahasama di antara Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Thailand. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa projek perikanan yang dilancarkan itu bukanlah perusahaan usahasama perikanan tetapi adalah perusahaan kerjasama di mana terdapat pakatan di antara syarikat swasta tempatan dengan syarikat swasta Thailand di dalam bidang-bidang tertentu perikanan iaitu pemasaran, pemindahan teknologi dan penukaran kepakaran. Bot-bot yang diusahakan adalah demikian sepenuhnya atau 100% oleh syarikat tempatan.

Berhubungan sokongan dari nelayan tempatan, pada keseluruhannya kerjasama tersebut mendapat sambutan dan sokongan baik dari para nelayan tempatan. Namun begitu, seperti juga mana-mana projek yang baru, semestinya terdapat beberapa masalah kecil di peringkat permulaannya, dan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan setengah-setengah nelayan. Namun begitu, beberapa siri dialog dan perjumpaan telahpun diadakan dengan para nelayan, di mana penerangan sejelas-jelasnya mengenai projek tersebut telah diterangkan kepada mereka. Selepas daripada itu adalah diharapkan tiada lagi masalah atau rasa tidak puas hati yang timbul.

Tentang sambutan para nelayan tempatan ini juga, walaupun ada rasa tidak puas hati pada peringkat awalnya, ianya bukanlah pula bererti yang mereka tidak bersetuju sama sekali terhadap kerjasama yang dijalankan itu. Apa yang timbul ialah rasa tidak puas hati di atas beberapa isu kecil seperti termasuk apakah langkah-langkah yang

telah diambil untuk menjamin supaya bot-bot tersebut tidak mencerobohi kawasan pantai, soal pengawasan terhadap bot-bot itu dan sebagainya. Adalah tidak benar untuk mengatakan para nelayan di atas bot-bot itu tidak amanah, kurang baik ataupun mempunyai senjata yang merbahaya kerana pihak Kementerian tidak ada bukti dan tidak menerima apa-apa aduan mengenai perkara ini. Tetapi jika Yang Berhorittat Senator mempunyai bukti dan kes-kes yang tertentu, sila laporkan kepada Kementerian saya untuk tindakan selanjutnya.

Mengenai rancangan pengambilan kru Thai, ini adalah berbentuk sementara sahaja sebelum tenaga pekerja Malaysia diperolehi. Kerajaan telahpun memulakan Latihan Angkatan Nelayan Laut Dalam bagi maksud ini dan sekarang ini seramai 100 orang sedang dilatih di Institut Perikanan Malaysia, Pulau Pinang,

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan sedar dengan publisiti yang kita buat melalui media-masa di atas penangkapan nelayan-nelayan asing yang menceroboh, membuat mereka lebih giat dan lebih berani untuk mencerobohi perairan kita kerana kelengkapan dan pengalaman mereka yang cukup?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhorrrnat itu mengulangi lagi sekali soalan ttu?

Puan Rajjah Rogayah binti Che Mat: Apakah Kerajaan sedar. Kementerian khususnya, dengan publisiti yang kita buat melalui media-masa di atas penangkapan nelayan-nelayan asing yang menceroboh, membuat mereka lebih giat dan lebih berani mencerobohi perairan kita kerana mereka mempunyai kelengkapan dan pengalaman yang cukup?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan ada menubuhkan satu Jawatankuasa yang dipanggil Pasukan Penguatkuasa Pengawai Maritini (PPPM) di Lumut dan Pasukan ini termasuk Angkatan Tentera Udara, Angkatan Tentera Laut, Polis Marin dan juga Jabatan Perikanan dan Pasukan ini sentiasa meronda di kawasan perairan Malaysia untuk menangkap bot-bot asing yang mencerobohi kawasan kita. Tetapi kawasan ini terlalu luas dan mungkin masih ada bot-bot asing mencerobohi perairan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 29 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988****Bacaan Kali Yang Kedua****3.36 ptg.****Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca pada kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yang Berhormat Menteri Kewangan menyampaikan perutusan Belanjawan 1987 pada tahun lalu, kedudukan ekonomi negara telahpun beransur baik dan berkesan daripada pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian dan juga kesan langkah-langkah mengukuhkan ekonomi negara yang telah dan sedang terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Sukacita dinyatakan di sini, dengan peningkatan harga-harga barangan utama dan permintaan yang kukuh terhadap eksport keluaran pertanian dan pembuatan, kedudukan dagangan kita telah bertambah dengaa baiknya. Oleh kerana itu nilai eksport barangan dijangka meningkat kepada \$23,000 juta dalam tahun 1987 iaitu \$2,000 juta lebih tinggi daripada paras tahun 1986.

Prestasi eksport barangan utama yang baik ini disertai pula dengan prescasi eksport barang pembuatan seperti tekstil, kasut, keluaran berasaskan getah dan kayu serta barang-barang elektrik dan elektronik yang menggalakkan. Perkembangan ini menghasilkan

imbangan pembayaran yang semakin kukuh. Buat pertama kalinya semenjak tahun 1979, akaun semasa imbangan pembayaran tahun 1987 dijangka mencatatkan lebih \$2,000 juta berbanding dengan defisit sebanyak \$770 juta pada tahun 1986.

Adalah dirasai dan dengan rasa sukacita bahawa matlamat Kerajaan untuk mengatasi defisit akaun semasa imbangan pembayaran telahpun dicapai. Hasilnya ialah nilai ringgit kini stabil dan rizab luar negara telah terus kukuh. Oleh kerana kedudukan rizab yang tinggi dan kadar faedah di pasaran wang antarabangsa yang rendah sekarang, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengurangkan paras pinjaman luar negeri dengan membuat bayaran balik lebih awal. Dengan ini ia juga dapat mengurangkan beban tanggungan hutang kita.

Prestasi eksport yang bertambah baik dijangka mengbasilkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 2% atau lebih dalam tahun 1987 ini berbanding dengan 1.2% pada tahun 1986. Memandangkan kepada keadaan ekonotni. yang sederhana ini, kadar pengangguran dijangka bertambah kepada 9%. Kedudukan kewangan sektor awam adalah kurang memuaskan walaupun ekonomi sudah bertambah pulih. Defisit akaun semasa Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1987 akan meningkat ke \$3.5 ribu juta berbanding dengan Anggaran Belanjawan sebanyak \$2.7 ribu juta. Ini adalah kerana kutipan hasil telahpun jatuh dengan lebih besar daripada yang dijangkakan. Oleh itu, defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan iaitu setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunannya juga telah meningkat kepada \$9.7 ribu juta atau 14% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Dari ini dapatlah dilihat bahawa kedudukan kewangan sektor awam masih merupakan satu masalah yang besar. Jika dibandingkan berterusan ini akan meningkatkan pinjaman Kerajaan dan pembayaran faedahnya .

Oleh itu Kerajaan harus mengawal dengan rapi perbelanjaan keseluruhan sektor awam dan dengan itu juga Kerajaan tidak dapat memenuhi permintaan-permintaan dari banyak pihak supaya menambahkan perbelanjaan untuk memesatkan pertumbuhan ekonomi.

Strategi Belanjawan 1988

Oleh kerana pertumbuhan kedudukan ekonomi yang sederhana dan kedudukan kewangan Kerajaan yang genting, strategi Belanjawan 1988 adalah digubal untuk mencapai tujuan-tujuan berikut:-

- (i) mengukuhkan proses pemulihan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan peluang pekerjaan;
- (ii) meningkatkan kecekapan industri; dan
- (iii) memperbaiki kewangan sektor awam.

Peruntukan dicadangkan bagi tahun 1988

Selaras dengan strategi Belanjawan 1988, sejumlah \$28,121 juta dicadangkan bagi Anggaran Perbelanjaan untuk 1988. Dari jumlah ini sebanyak \$21,236 juta ataupun 75% adalah bagi Perbelanjaan Mengurus sehaja dan bakinya sebanyak \$6,885 juta atau 25% adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan. Jumlah Anggaran Perbelanjaan 1988 adalah bertambah sebanyak \$709 juta atau kira-kira 2.6% dibandingkan dengan peruntukan 1987.

Perbelanjaan Mengurus

Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1988 adalah bertambah sebanyak \$497 juta atau kira 2,4% jika dibandingkan dengan peruntukan tabun 1987. Tambahan sebanyak \$497 juta ini termasuk tambahan sebanyak

\$136 juta bagi perbelanjaan kenaikan biasa gaji tahunan dan \$277 juta bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap termasuk tambahan bagi bayaran pencen sebanyak \$44 juta, Dari segi pembahagian mengikut sektor, sektor sosial disediakan peruntukan terbesar iaitu sebanyak \$5,957 juta atau kira-kira 28.1% dari keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 1988.

Sebahagian besar daripada Perbelanjaan di bawah sektor sosial adalah bagi pendidikan yang diperuntukkan sebanyak \$4,107 juta atau 19.3% dari keseluruhan Perbelanjaan Mengurus dan Kesihatan sebanyak \$1,137 juta atau 5.4%. Sektor keselamatan dan sektor ekonomi masing-masing telah diperuntukkan sebanyak \$3,408 juta atau 16% dan \$1,977 juta atau 9.3%.

Perbelanjaan Pembangunan

Peruntukan Pembangunan dalam tahun 1988 masih mencerminkan dasar Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan iaitu perbelanjaan awam dan peranan sektor awam dalam ekonomi negara. Dasar fiskal yang berkembang tidak dapat diamalkan oleh kerana kedudukan kewangan Kerajaan masih lagi betum kukuh. Walau bagaimanapun ianya termasuklah peruntukan sebanyak \$750 juta yang merupakan sebahagian daripada \$2,000 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Perbelanjaan Pembangunan 1988 adalah bertambah sebanyak \$212 juta atau 3,2% jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1987. Dari segi pembahagian mengikut sektor, sektor ekonomi diperuntukkan sebanyak \$4,102 juta atau 59.6% dan sektor sosial \$1,577 juta atau 22.9%, sektor keselamatan \$507 juta atau 7.4% dan sektor pentadbiran am sebanyak \$199 juta atau 2.9%.

Sebanyak \$4,224 juta atau kira-kira 2/3 daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1988 adalah bagi projek-projek pembangunan di luar bandar yang bertujuan untuk mempercepatkan pencapaian rmatlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada sektor ekonomi. Peruntukan terbesar di bawah sektor ekonomi ialah bagi pertanian iaitu sebanyak \$1,434 juta atau kira-kira 20.8% daripada keseluruhan Anggaran Pembangunan 1988. Peruntukan di bawah pertanian adalah bagi pembangunan tanab dan pembangunan wilayah, pembangunan pertanian bersepadu, subsidi baja padi dan khidmat-khidmat pelbagai. Peruntukan yang besar disediakan di bawah sektor pertanian adalah disebabkan sumbangan yang penting sektor ini kepada ekonomi negara.

Satu lagi sektor terpenting di dalam bidang pembangunan sosio ekonomi ialah sektor pengangkutan yang diperuntukkan \$1,067 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$884 juta adalah bagi jalan dan jambatan, \$97 juta bagi keretapi \$39 juta bagi penerbangan awam dan \$30 juta bagi pelabuhan dan jabatan laut. Peruntukan sebanyak \$870 juta disediakan di bawah sektor perdagangan dan perindustrian bagi mengukuhkan asas ekonomi sektor ini Peruntukan terbesar adalah untuk Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia (HICOM) sebanyak \$329 juta. Selain dari itu peruntukan sebanyak \$64 juta disediakan untuk PERNAS, \$52 juta kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri dan \$28 juta kepada MARA bertujuan untuk mencapai objektif penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Negara.

Bagi membiayai projek-projek industri-industri kecil, Kerajaan telah menyediakan sebanyak \$43 juta melalui Bank Pembangunan

Malaysia dan MIDF. Kemudahan-kemudahan awam akan terus diberi keutamaan di dalam tahun 1988. Oleh itu peruntukan sebanyak \$690 juta telah disediakan untuk tujuan ini. Dari jumlah ini sebanyak \$568 juta adalah untuk program bekalan air termasuk sebanyak \$315 juta untuk program bekalan air luar bandar. Bakinya sebanyak \$122 juta adalah untuk bekalan elektrik termasuk sebanyak \$99 juta bagi bekalan elektrik luar bandar.

Sektor Sosial

Di bawah sektor sosial, peruntukan terbesar adalah bagi pendidikan yang telah diperuntukkan sebanyak \$1,166 juta atau kira-kira \$16.9% dari keseluruhan Anggaran Pembangunan 1988. Sebahagian besar daripada peruntukan ini di bawah sektor pendidikan ialah diperuntukkan kepada program-program pendidikan rendah dan pendidikan menengah bagi pembinaan bilik darjah, makmal dan lain-lain kemudahan. Lain-lain program yang diberi peruntukan besar di bawah program ini ialah program pendidikan teknik dan vokasional sebanyak \$138 juta dan program pendidikan tinggi sebanyak \$206 juta.

Keutamaan bagi menambah dan menyediakan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kesihatan akan terus diberi oleh Kerajaan. Untuk tujuan ini, sebanyak \$126 juta adalah diperuntukkan di bawah sektor kesihatan.

Peruntukan yang disediakan ini adalah termasuk bagi pembinaan pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik desa dan juga membaiki Hospital-hospital Daerah.

Sektor Keselamatan

Daripada sebanyak \$507 juta yang diperuntukkan di bawah Sektor Keselamatan sebanyak \$203 juta adalah bagi pertahanan dan sebanyak \$304 juta adalah untuk keselamatan dalam negeri, termasuk di bawah peruntukan yang disediakan ini, ialah pembinaan perumahan untuk anggota-anggota tentera dan polis dan meningkatkan tindakan bagi mencegah penyeludupan dan kemasukan najis dadah secara haram di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah cukai tajuk seterusnya. Di dalam Belanjawan kali ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki sistem cukai dan lain-lain galakan bagi memperkukuhkan iklim pelaburan. Perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan pada kali ini pada keseluruhannya bertujuan untuk menggalakkan kegiatan ekonomi melalui pelnburan dan untuk meningkatkan pungutan cukai. Selaras dengan ini adalah dicadangkan supaya struktur cukai syarikat yang ada sekarang dikaji semula supaya Malaysia setanding dengan negara-negara di rantau ini. Sebagai langkah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang menarik di rantau Ini kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri, Kerajaan sedang mengkaji cukai syarikat dengan tujuan mengurangkan dalam jangka panjangnya. Walaupun demikian uuntuk tahun 1988, adalah dicadangkan supaya Cukai Keuntungan Berlebihan Syarikat ataupun Corporate Tax sebanyak 3% dihapuskan mulai dari tahun taksiran 1988. Dengan penghapusan Cukai Keuntungan Berlebihan ini Kerajaan mengalami

kehilangan hasil kira-kira \$140 juta pada tahun 1988, tetapi langkah ini diharapkan akan dapat menggalakkan pelaburan baru dan juga pelaburan semula bagi syarikat-syarikat yang ada.

Selain daripada itu, sebagai usaha untuk menarik syarikat-syarikat yang ada untuk membuat pelaburan semula bagi pembesaran aktiviti syarikat mereka, adalah dicadangkan untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa Elaun Pelaburan Semula sehingga tahun 1990 dan kadar Elaun Pelaburan Semula ini dinaikkan daripada 25% kepada 40%.

Kerajaan juga telah berusaha untuk menggalakkan perkembangan Syarikat-syarikat Insurans Nyawa sejajar dengan perkembangan syarikat-syarikat lain.

Di dalam Belanjawan 1987 sistem percukaian Syarikat-syarikat Insurans Nyawa telah dipinda di mana, antara lain, banyaran komisyen telah tidak dibenarkan dipotong daripada pendapatan syarikat, Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu penubuhan perniagaan Syarikat-syarikat Insurans Nyawa, adalah dicadangkan suatu potongan bersamaan 2% daripada akaun hasil bagi sesuatu tahun dibenarkan dipotong daripada pendapatan yang diterima.

Pada masa ini Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengukuhkan lagi sistem cukai yang ada dan memperbaiki lagi kutipan cukai yang dijalankan.

Di dalam Belanjawan yang lepas, Kerajaan telah mewajibkan skim potongan bayaran bulanan cukai pendapatan ke atas pekerja-pekerja. Pelaksanaan skim ini dijangka dapat mengurangkan tunggakan cukai pendapatan pekerja-pekerja. Oleh itu, sekiranya skim ini diperluaskan kepada syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga, ianya akan dapat mencapai tujuan yang sama di samping dapat menyeragamkan sistem

kutipan cukai pendapatan di kalangan pembayar-pembayar cukai. Dengan itu adalah dicadangkan skim bayaran secara ansuran ini diwajibkan kepada semua syarikat dan peniaga dan akan berkuatkuasa mulai 1.1.1989.

Kerajaan juga pada masa ini sedang berusaha untuk mengurangkan kebocoran di dalam sistem cukai jualan bagi menambahkan hasil negara. Kerajaan telah memperketatkan Sistem Cukai jualan di negara ini pada tahun 1972. Ia merupakan Cukai Sepertimana, dengan Izin "Single Stage Tax System" dan dikenakan atas barang-barang yang diimport atau yang dikilang di dalam negeri.

Pada masa sekarang sebilangan besar barang-barang dan berbagai jenis organisasi adalah dikecualikan daripada cukai jualan. Adalah dianggarkan bahawa kira-kira 75% daripada jumlah barang-barang yang diimport dan dikilang di dalam negeri dikecualikan daripada cukai jualan. Keadaan ini menyebabkan skop Cukai Jualan menjadi terlalu sempit dan kurang berkesan sebagai sumber hasilkan. Oleh itu adalah dicadangkan dibuat dua perubahan kepada cukai ini.

- (i) adalah dicadangkan mengenakan semula cukai ini kepada beberapa jenis barang, walaupun biasa Cukai Jualan ialah 10%, adalah dicadangkan cukai ini dikenakan pada kadar 5% sahaja ke atas beberapa jenis baraaag makanan, bahan-bahan binaan serta barang-barang seperti Bagi lain-lain barang yang kurang penting dicadangkan Cukai Jualan dikenakan biasa iaitu 10%. Pengenaan Cukai Jualan ke atas barang-barang tersebut tidak akan mem-

bebaskan golongan berpendapatan rendah.

- (ii) adalah dicadangkan supaya diperketatkan lagi pentadbiran Cukai Jualan dengan menghadkan kemudahan mendapatkan bahan-bahan mentah dan komponen bebas daripada cukai kepada pengilang yang mengeluarkan barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan sahaja. Ini akan menentukan bahawa pengilang-pengilang akan dikecualikan daripada bayaran cukai atas barang-barang siap mereka dan akan membayar cukai atas bahan-bahan mentah komponen. Pada masa ini mereka tidak membayar sebarang Cukai Jualan. Ini jelas tidak selaras dengan konsep Cukai Jualan sebagai Cukai Seperingkat atau "Single Stage Tax System".

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, adalah ditekankan di sini bahawa kedua-dua cadangan ini tidak akan menjejaskan daya persaingan pengilang-pengilang yang mengeluarkan barang-barang untuk eksport. Mereka akan mendapat pulangan balik sepenuhnya ke atas Cukai Jualan yang mungkin telah dibayar ke atas bahan-bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pengeluaran barang-barang tersebut. Kedua-dua cadangan ini juga tidak akan melibatkan pengilang-pengilang kecil yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi \$100,000 kerana mereka akan terus dikecualikan daripada Cukai Jualan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang dalam proses mengkaji secara menyeluruh sistem Cukai Jualan di negara ini. Kegiatan tersebut akan meliputi cara-cara untuk memperluaskan

skop Cukai Jualan dan juga mengenalpasti sistem-sistem cukai yang lain bagi tujuan memperluaskan lagi asas hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk prospek tahun 1988 kedudukan ekonomi negara dijangka berkembang dengan serdahana sahaja. Adalah dianggarkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara dalam tahun tersebut adalah kira-kira 4%.

Kita yakin bahawa dengan rancangan Kerajaan untuk menambah pengeluaran petroleum kepada 540,000 tong sehari, dan prestasi yang baik dalam eksport pembuatan serta dengan harga barangan, ekonomi negara akan dapat mencapai kadar pertumbuhan yang dianggarkan. Kemajuan ini akan menghasilkan sumber pendapatan kepada negara, Di samping itu Kerajaan akan mengukuhkan hasilnya dengan cara penjualan saham MAS dan MISC.

Anggaran pertumbuhan ekonomi dibuat setelah |mengambil kira faktor seperti pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana dan kedudukan paras harga barang-barang utama yang masih mengalami ketidaktentuan (uncertainty), dengan izin.

Kerajaan menyedar bahawa akibat kejatuhan nilai stok di dunia dan dasar Kerajaan Amerika untuk mengurangkan defisitnya menerusi pemotongan perbelanjaan dan peningkatan cukai mungkin menjejaskan kedudukan ekonomi dunia. Jika pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat terjejas, ekonomi negara-negara maju lain pun terjejas juga. Ini akan mengakibatkan permintaan ke atas barangan-barangan utama dan eksport negara kita. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah masih terlaiu awal untuk membuat telahan-telahan yang tepat akan tindakan-tindakan negara-negara maju yang lain seperti Germany dan

Jepun untuk memainkan peranan membantu pertumbuhan ekonomi dunia. Di samping itu ia bergantung kepada dasar dan tindakan di kalangan negara-negara maju untuk meningkatkan kerjasama ekonomi bagi mengatasi masalah pertumbuhan perdagangan dan ekonomi dunia akibat dari tindakan Kerajaan Amerika Syarikat.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk meaggalakkan perkembangan sektor swasta. Pihak swasta telah diberi beberapa jenis gaiakan oleh Kerajaan tetapi setakat ini perkembangannya masih lemah. Kerajaan berharap keadaan ini akan berubah apabila pihak swasta berasa lebih yakin dengan pemulihan sektor eksport dan kemudahan kredit yang semakin baik, Kerajaan akan terus mengamalkan sikap yang leberal terhadap pelabur-pelabur asing dan juga tempatan selaras dengan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan sekatan-sekatan yaag menghalang aktiviti-aktiviti pelaburan yang sedemikian. Kita percaya bahawa dengan tindakan yang telah diambil itu iklim pelaburan di negara ini telah menjadi lebih baik dari dahulu dan oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebab mengapa sektor swasta tidak dapat berkembang dengan lebih pesat di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ingin dinyatakan di sini bahawa disebabkan oleh kedudukan ekonomi negara yang, begitu bergantung ke atas perkembangan ekonomi dunia yang mungkin bertambah disebabkan oleh perkembangan-perkembangan baru adalah tidak jauh kemungkinannya kedudukan ekonomi dunia menjadi lebih teruk dan ini akan tetap menjejaskan ekonomi negara kita. Dari itu haruslah kita bersedia untuk menghadapi kemungkinan terhadap perubahan-perubahan kepada matlamat negara dan cabaran-cabaran yang mungkin timbul di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom.

4.03 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Bismilahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian untuk membahaskan Belanjawan 1988 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang diumumkan baru sebentar tadi merupakan satu Belanjawan yang dijanjikan oleh pihak Kerajaan lebih awal daripada ini tidak akan membebankan kepada rakyat, tidak akan membebankan kepada orang ramai dan tidak membebankan kepada pengguna-pengguna, benar-benar menjadi kenyataan, Kerana dalam pembentangan ini tidak ada satu pun bentuk cukai baru atau cukai tambahan dikenakan ke atas barang-barang yang digunakan oleh pengguna atau orang ramai, cukai kepada rokok misalannya, kepada minuman, kepada pemilik-pemilik kereta motor, lori, motosikal dan sebagainya. Juga tidak ada diumumkan cukai untuk cukai jalan yang lebih tinggi dan juga tidak ada diumumkan kenaikan cukai pendapatan misalannya. Jadi, ini merupakan satu Belanjawan yang benar-benar menggambarkan Kerajaan memahami keadaan negara dan kedudukan rakyat dari keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Hanya satu sahaja cukai yang diumumkan tadi ialah sebanyak lima peratus yang dikenakan kepada barang-barang yang dijual termasuk buah-buahan. ini bermakna hanya mereka yang terlibat, orang ramai yang terlibat di dalam

pembelian buah-buahan sahaja yang akan kena membayar cukai tambahan sebanyak lima peratus.

Kepada kami, kepada saya dan kepada rakyat yang duduk di luar bandar yang memang mempunyai buah-buahan mereka sendiri dari kenaikan cukai lima peratus ini tidak kena bayar apa-apa pun tetapi kita kena ingat daripada kenaikan cukai buah-buahan lima peratus ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah nanti harga durian, rambutan, nangka, cempedak, jambu, nenas akan turut naik harganya kerana pihak penjual di pasaran akan mengambil kesempatan.

Pada pandangan saya Belanjawan yang baru sebentar diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Belanjawan Negara keseluruhannya yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat beberapa minggu yang lalu memang munasabah, kerana ekonorai negara masih belum pulih. Pengangguran masih berada di peringkat yang metnbimbangkan. Jika cukai-cukai yang ada dinaikkan atau cukai-cukai baru diperkenalkan maka kehidupan rakyat akan setnakin terhimpit. Bila itu terjadi, Kerajaan juga yang tidak akan dapat memungut hasil daripada cukai-cukai yang dikemukakan.

Di dalam keadaan ini Kerajaan hendaklah berhati-hati. Ia tidak akan dapat mengurangkan cukai syarikat sekarang ini yang 48% yang tertinggi di rantau ini kerana dengan berbuat demikian Kerajaan sendiri akan kekurangan pendapatan.

Barangkali bila keadaan mengizinkan pemotongan yang lebih akan dibuat oleh Kerajaan di masa yang akan datang. Dengan ini memperlihatkan bahawa Belanjawan 1988 lebih bertujuan untuk mengukuhkan proses pemulihan ekonomi seperti yang disebutkaa tadi dengan menggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan pelnang-peluang pekerjaan selain

daripada meningkatkan kecekapan industri dan memperbaiki kewangan sektor awam.

Di sini harapan rakyat amat tinggi kepada Kerajaan di dalam melaksanakan tiga perkara - tujuan yang terkandung di dalam Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Tetapi dalam masa keadaan Kerajaan kekurangan wang sekarang ini kita gembira. Saya merasa gembira sangat kerana peruntukan pembangunan di luar bandar di mana kita tahu di luar bandarlah penyokong-penyokong Kerajaan berada, penyokong-penyokong Kerajaan yang setia berada di luar bandar, di kampung-kampung, di dalam peruntukan ini peruntukan pembangunan luar bandar tetap diberi keutamaan.

Seperti juga peruntukan-peruntukan Belanjawan yang lalu memberikan 2/3 peruntukan untuk kawasan luar bandar terutama sekali di dalam projek-projek yang akan menghasilkan pembasmian kemiskinan peringkat demi peringkat untuk meninggikan taraf hidup rakyat dari semasa ke semasa. Rancangan ini dilihat termasuklah nanti akan menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil di desa-desa. Perkara ini perlu mendapat perhatian daripada Kerajaan kerana masyarakat di luar bandar yang sebenarnya belum dapat menerima pertumbuhan ataupun kebangkitan industri kecil-kecilan di desa-desa sekali pun di kampung-kampung telah mengalir bekalan elektrik sejak berpuluh-puluh tahun.

Kemudian dengan adanya pembukaan tanah-tanah baru yang dirancang untuk menempatkan penduduk-penduduk di kawasan kampung-kampung tradisi yang telah penuh atau memberi peluang kepada mereka yang memang tidak mempunyai tanah, sarna ada tanah warisan atau tanah yang mampu dibeli dengan wang sendiri. Dengan adanya pembukaan tanah-tanah baru sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak akan memberikan satu jaminan kepada rakyat kita untuk hidup lebih cerah di masa hadapan. Dan juga dengan kerana adanya rancangan Kerajaan untuk menggalakkan bertani secara komersial melalui rancangan pemuliharaan tanah-tanah terbiar, ini amat raenggalakkan dan saya mengharapkan sebagai orang yang datang daripada kampung, daripada luar bandar, Belanjawan yang dibentangkan yang akan menumpukan dalam perkara ini tidak akan meleset apabila kita membuat kajian nanti. Insya Allah, di dalam Belanjawan 1989 nanti kita akan dapat melihat di mana hasil Belanjawan ini akan dapat dilihat kepada kita berjaya.

Selain daripada itu, Belanjawan ini juga menitikberatkan, Tuan Yang di-Pertua, saya berpandukan kepada Ucapan Belanjawan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat, ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi banyak dipotong-potong daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, tetapi yang ada kepada kami ialah teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, jadi saya berpandukan kepada itu. Selain daripada itu, Kerajaan juga tidak mengabaikan kemudahan-kemudahan asas di dalam bidang pendidikan seperti mana yang saya masih teringat tadi akan membina banyak lagi bilik-bilik darjah untuk keperluan rakyat, untuk keperluan anak-anak kita kerana kita tahu semakin lama makin setiap tahun makin banyak anak-anak yang akan masuk ke sekolah. Kemudahan-

kemudahan asas dalam bidang pendidikan, iaitu bangunan-bangunan sekolah, bilik-bilik darjah, barangkali di awal Januari nanti kita akan tahu tidak kurang daripada 400,000 anak-anak berumur 7 tahun yang akan mula menapak ke darjah satu sekolah-sekolah rendah seluruh negara dan sekarang kita tahu banyak kekurangan bilik-bilik darjah. Untuk menampung itu, sehingga ada anak-anak yang bersekolah belajar menumpang belajar di masjid, di surau, di bawah rumah, ini berlaku tetapi Kerajaan menyedari ini dan kemudahan-kemudahan asas ini akan dapat dibuat dalam Belanjawan 1988 ini dan kita harap akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Begitu juga kemudahan-kemudahan asas mengenai dengan kesihatan dan bagi sebilangan besar rakyat miskin yang bergantung kepada kemudahan sektor awam, yakni jalan, api dan air. Sektor awam yang diperlukan oleh rakyat luar bandar ialah jalan, api dan air kerana sepertimana saya ucapkan semalam setelah 30 tahun kita merdeka masih banyak lagi rakyat kita yang belum menerima bekalan api, bekalan air. Yang baik air ada, air sungai, air parit, yang rakyat mahu ini air paip yang bersih yang dijamin oleh Kerajaan minum air ini sihat, air ini yang tak kunjung mengalir. Di setengah-setengah tempat pula ada paip tak ada air, kena bayar juga bil air itu satu bulan berpuluh-puluh ringgit, tunggakan sampai beratus-ratus ringgit tetapi airnya tak ada. Kenapa ini masih berlaku? Apakah air juga turut meleset? Kalau ekonomi negara kita meleset, apakah air juga turut meleset? Ini yang menjadi masalah sedangkan loji-loji dibuat. Kalau hendakkan saya sebut tempatnya di kawasan Batu Pahat Loji Yong Pong ada, Loji Bekok ada, Loji Tanjong Semborong ada, sudah makan korban pun Loji Tanjong Semborong ini, tetapi air di situ menitik malas, ada masa-masanya tak boleh ditahan-tahan, ada masanya

langsung tak ada sehari-hari. Berlaku orang kenduri kahwin terpaksa berkejar minta bekalan air satu lori, dua lori. Berlaku kematian juga tak ada air hendak memandikan mayat, Ini berlaku, kenapa?

Bekalan api begitu juga, ada setengah tempat yang apinya terang benderang, kampung terang benderang, rumah terang benderang. Ada rumah yang pasang mentol api dari pada pelantar sampai ke tangga depan, bil apinya \$15 paling tinggi. Ada kampung apabila pukul 6.00 sahaja saluran apinya malap, gambar TV tinggal sekerat, bulb panjang tidak boleh hidup sedangkan kampung iniuduknya berhampiran dengan Janaletrik Tuanku Jaafar di Port Dickson. Saya pun tak tahu, saya bukan ahli, cuma saya pergi balik kampung saya tengok, hai kampung kita ini cuma 10 batu daripada Janaletrik Tuanku Jaafar tetapi kenapa bekalan api kita malap macam ini, macam reban ayam sahaja, tak tahulah nanti sudah pukul 11.00 barulah terang sedikit. Sudah pukul 11.00 kita hendak suruh anak-anak kita tidur, besok hendak sekolah, anak-anak kata mesti mahu tengok TV dahulu. Ini masalahnya. Ada setengah tempat yang bekalan apinya malam sahaja, siang tak ada. Jadi mana-mana yang ada simpan peti sejuk rosak begitu sahaja, ini berlaku di sebelah Terengganu sana. Ada kata 3 janaletrik, tetapi tak boleh membekalkan api. Saya pergi ke Guntong Luar, Kampung Buloh, banyaklah nama kampung sepanjang-panjang jalan di Besut sampai ke Fekri, ke Penarik sana api malam sahaja. Apakah kerana dia jauh daripada Janaletrik Empangan Kenyir misalnya tak dapat bekalan api, itupun kita tak tahu. Jawapan yang paling senang meleset. Apakah bekalan api juga meleset?

Saya takut bekalan api ini meleset ke kilang-kilang haram. Ini yang saya boleh cerita sebab di Lembah Kelang ini banyak kilang-kilang haram yang ditubuhkan tanpa pengetahuan, kilang yang tanpa lesen, bekalan air ke situ perginya sehingga orang yang membayar betul-betul tak dapat air. Bekalan api pun macam itu, api lari meleset pergi ke kawasan kilang haram. Mengapa ini berlaku dan sepatutnya kita sama-sama bertanggungjawab dalam masalah ini.

Jadi dalam keadaan yang seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan Belanjawan yang dibentangkan tadi apa yang boleh kita minta kepada Kerajaan harapan kita ialah supaya segala peruntukan yang disediakan untuk luar bandar itu khasnya akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran. Kita tidak mahu dengar lagi rakyat akan merungut, rakyat akan menulis dalam suratkhbar macam-macam cerita. Sekarang kalau kita buka suratkhbar akan baca macam-macam cerita rungutan rakyat sehingga kita telah sampai kepada tahap Buku Merah II. Alhamdulillah, soalan saya mengenai Buku Merah II timbul hari ini. dan hari ini kita membahaskan Belanjawan. Jadi ertinya Buku Merah I yang dicipta oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Bapa Pembangunan negara kita tutup cerita, sekarang kita buka Buku Merah II. Dalam Buku Merah II dalam jawapan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan tadi. akan melipatgandakan tenaga, akan menggembeling tenaga, akan memperkemas jentera, alhamdulillah.

Saya terima jawapan itu dengan baik dan saya akan tunggu Buku Merah Dua itu nanti dia tutup cerita timbul Buku Merah Tiga pada tahun 1990 atau tahun 2000. Mungkin apabila minyak kita sudah habis, bijih timah kita sudah habis kita akan buka Buku Merah baru pula. Perkara ini kita tidak boleh hendak mengatakan mustahil kerana perkara ini adalah masalah hidup kita dan selagi kita hidup kita akan terus.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membahaskan Belanjawan ini kita perlu ingat tujuan kita ialah untuk menjadikan negara kita Malaysia ini sebuah negara untuk semua orang dapat pengagihan hidup kekayaan negara ini dengan baik.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkali-kali menyeru mutu semua kaum di dalam negara kita ini supaya dapat mengagihkan kekayaan negara supaya tidak timbul perasaan kaum ini ketinggalan, kaum ini dapat banyak, kaum ini langsung tak dapat, supaya tidak timbul perasaan syak wasangka di kalangan mereka, di kalangan kaum di dalam negara kita ini sehingga boleh menimbulkan dari sudut hati. masing-masing berbagai-bagai takrif dan istilah dalam masalah kaum-kaum masing-masing. Jadi bagi semua kaum sepatutnya timbul tanggapan betapa masih ada ruang-ruang dan peluang-peluang untuk kita mengagihkan kekayaan negara **ini** untuk kita, untuk keluarga kita, untuk masyarakat kita dan untuk diri kita masing-masing.

Jadi Perdana Menteri kita pernah menegaskan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi. Timbul pula nanti kalau kita bincang masalah hasil bumi, hasil utama

negara kita jatuh harga. Sekarang kita bincang dahulu bahawa Malaysia ini kaya dengan hasil bumi. dan negara kita Malaysia ini tidak pernah diancam oleh apa-apa bencana alam yang dahsyat - tidak ada, kecuali banjir sedikit-sedikit pada bulan Disember pada musim tengkuj, dua-tiga hari ia kering, kalau ada puting beliung dia sapu pokok kelapa dua-tiga batang; tak ada gempa bumi, kalau ada gempa bumi di Sumatra kita kena bayang-bayanginya. Jadi tidak ada bencana alam yang hebat, tidak ada bencana alam yang menjadikan negara kita ini padang jarak, padang terkukur.

Ini kita bersyukur kerana negara kita tidak diancam bencana-bencana yang dahsyat. Maka kita jangan gopoh, kalau mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka rakyat Malaysia ini tidak perlu berebut-rebut, tidak perlu gopoh di dalara hendak merebut kekayaan. Biar lambat asalkan selamat, jikalau lambat kita selamat biarlah dengan cermat kita selamat. Tidak berlaku ketegangan dan kegentingan, tidak berlaku suasana tegang dan suasana panas. Kita selamat dan aman mencari rezeki masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain yang masih ketinggalan dalam banyak lapangan ekonomi. Walaupun orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain telah mencapai kemajuan-kemajuan yang nampak, kita perlu membetulkan keadaan kaum-kaum lain, selain daripada kaum Melayu dan bumiputera jangan bimbang, tidak perlu khuatir kerana keadaan yang diterima oleh kaum Melayu oleh orang Melayu, oleh bangsa Melayu dan bumiputera yang lain hanya baru mula mahu bangun tidur. Jadi kalau kira istilah orang bangun tidur belum sarapan pagi, baru mahu cuci muka, baru mahu buka mata, belum sarapan sedangkan orang lain sudah sarapan dua kali..

Jadi, janganlah kaum-kaum lain merasa khawatir ataupun bimbang kerana pada realitinya yang sebenarnya apa yang ada di hadapan kita sekarang ini kita menjadi rakyat di dalam sebuah negara yang kaya, kita menjadi rakyat dalam sebuah negara yang subur, kita menjadi rakyat dalam sebuah negara yang aman yang tidak ada bencana alam. Jadi jangan kita merasa bimbang dan khawatir. Jadi kita mengajak semua kaum, semua rakyat dari keturunan apa pun di dalam negara kita ini merenung keadaan ini.

Kalau orang yang bijak pandai bercakap, dia kata ekonomi ini ibarat macam sebuah kek. Itu kata orang pandai, saya tak tahu, orang kampung kata ekonomi ini duit. Jadi saya pinjam perkataan orang pandai. Ekonorai ini macam kek, kalau yang mengadun pandai, kek itu boleh besar, cetaknya besar, dapurnya besar, yang makan ramai. Jadi kenapa kita mesti mahu berebut-rebut? Saya mahu bawa parang mahu potong kek, Yang Berhormat Encik Douglas mahu bawa kilang iaitu parang Sarawak, ada satu kaum lagi mahu bawa jangkar, iaitu penyodok bercabang tiga itu, mahu sodok kek kita. Kenapa kita perlu berebut-rebut macam itu kalau kek kita besar, perlahan-perlahan makan.

Bismillahir-rahmanir-rahim \$1 juta diberi ke luar bandar, Bismillahir-rahmanir-rahim \$800 ri.bu ke kampung-kampung baru, Bismillahir-rahmanir-rahim \$300 ribu ke ladang-ladang. Jadi semua selamat. Bismillahir-rahmanir-rahim \$1 juta ke Sabah-Sarawak. Buat kek lagi, Bismillahir-rahmanir-rahim \$3 juta diberi ke luar bandar, \$800 ribu ke bandar-bandar. Macam itulah, jangan berebut-rebut, seorang membawa parang, seorang bawa pedang, samurai, seorang bawa penyodok tiga mata nanti tegang keadaan itu.

Sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. kata janganlah kita khuatir. Kalaulah ekonomi. ini di ibaratkan sebagai. sebuah kek, maka dia boleh diadunkan dengan baik dan dia akan menjadi makanan yang enak dan semua orang boleh kenyang.

Itulah kata orang ahli ekonomi selalu bercakap macam itu. Jadi, saya gunakan bahasa ekonomi itu. Jadi dengan itu persefahaman tentang pembahagian itu tadi supaya sepatutnya mendorong setiap rakyat daripada segala kaum menyumbangkan, mengadunkan adunan ekonomi negara kita ini. sesuai bagi pembesaran ekonomi dan kek ekonomi yang hendak dibagi-bagikan atau diagih-agihkan itu menjadi kek yang tidak akan basi atau kek yang tidak akan berkulat, Kalau nasi ia menjadi basi., kalau kek ia berkulat, tiga minggu sahaja berkulat, keluar cendawan.

Kita tidak mahu itu. Kek kita ini akan tahan sekurang-kurangnya 100 tahun sehingga rakyat Malaysia 70 juta. Lama kek itu, kek yang boleh tahan 100 tahun sehingga Tabung Amanah Wang Negara ini menghasilkan hasil yang akan dirasai oleh generasi yang akan datang.

Kalau tidak, kek kita bertabur. Fasal apa kek bertabur, sebab telur yang dibuat itu telur sejuk. Apa fasal telur sejuk? Kerana ada sebahagian rakyat dalam negara kita ini memandangkan, 'lantak orang lain asalkan aku boleh kaya'. Ini telur sejuk, telur sejuk yang hendak dimasukkan untuk dijadikan kek tadi, itu, tidak menjadilah kek itu. Bantat kita kata kek itu, bantatlah masyarakat, bantatlah suasana negara, bantatlah politik kita, bantatlah tujuan hidup kita, kesudahannya kek itu dibuang begitu sahaja, terpaksa kita ambil modal luar, kita terpaksa gunakan modal luar. Kenapa?

Sedangkan kita cukup, terpaksa kita berhutang. Berhutang dalam negeri tak apa, tetapi hutang luar negeri, fasal apa? Fasal telur kita telur sejuk, kita kena ambil telur luar hendak membuat kek kita. Fasal apa? Jadi kita tak mahu lagi pakai telur luar negeri. Jadi kita tidak mahu lagi pinjam wang dari luar negeri, kalau boleh. Ini Kerajaan mahu cuba mengimbangkan Belanjawan ini supaya kita mengurangkan pinjaman daripada luar.

Pinjaman dalam negeri tidak apa kerana barang-barang yang hendak mengadun kek ekonomi kekayaan negara dalam negeri. Dengan garpunya, sudunya, mesinnya kalau buat kek cara kampung itu kepeloknya itu iaitu dawai yang bulat, ada batang itu dinamakan "kepelok". Itu pun ada di dalam negeri semua, tidak payah pakai itu, pakai seludang mayang kelapa pun boleh bancoh kek, jadi. Apa orang kampung sekaraug tidak boleh buat kek ini? Dulu kata baulu, sekarang kek. Kelas KEMAS menganjurkan buat kek, belang-belang macam bendera Malaysia. Tengok kalau Menteri datang ke kampung, tengok kek orang kampung. Jangan kata kek ini Holiday-Inn dan Hilton Hotel sahaja yang buat, orang kampung tidak tahu cuma tahu buat baulu sahaja. Jangan, kek itu baulu, baulu itu kek. Itulah. Serupa. Cuma dahulu baulu kecil-kecil pecah lapan, sekarang baialu besar-besar. Kek pun besar-besar. Tetapi kek yang moden ini cepat basi. Cepat berkulat ini yang kita takut. Baulu Kemboja buatan orang kampung, makin 3 minggu makin berkilat minyak. Itu baulu Kemboja. Kerana telurnya telur jati, telur ayam kampung. Bukan telur ayam ternak. Ini kita tidak mahu.

Pembahagian kek ekonomi ini dilahirkan oleh telur-telur awam ternak, oleh ahli-ahli politik yang hipokrit. Ini yang kita tidak mahu. Ini yang saya maksudkan. Bukanlah saya ini bodoh sangat hendak cakap masalah itu, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu. Ini dihasilkan oleh ahli-ahli politik yang hipokrit, pegawai-pegawai yang menyusun rancangan ini yang hipokrit. Saya tidak mahu telurnya telur busuk. Mahu telur daripada ayam sejati, ayam Malaysia. Jadi kuehnya boleh dibahagikan sama rata. Jadi kalau begitu soal-soal yang rata-rata dianggap remeh temeh tidak mahu dibenarkan mengacau untuk menyediakan kek besar yang semua kaum boleh dapat makan.

Mana dia perkara yang remeh-remeh tadi soal songkok dipolitikkan, soal tudung dipolitikkan. Ini soal songkok dipolitikkan. Tan Sri Ben Stephen pun boleh pakai songkok pun jadi Tuan Yang di-Pertua Dewan tidak ada apa-apa pun. Tetapi kenapa apabila hendak ambil ijazah pakai songkok dipolitikkan. Ini yang menjadi tegang. Minta maaf Yang Berhormat daripada kaum Cina.

Saya tengok wayang bangsawan Cina pun pakai songkok juga. Cuma songkok itu bulat hitam, ada jambulnya. Orang Melayu ada songkok bulat yang putih tidak ada jambut tetapi kalau dia pergi ke mesjid dia ada jambul juga, tetapi tarbus songkok merah. Songkok juga. Tetapi kenapa songkok di Malaysia dipolitikkan. Ini yang menjadi tegang sehingga ISA terpaksa digunakan. Ini perkara remeh. Jadi apabila perkara songkok dipolitikkan, inilah yang mengacau cara kita hendak meagadun kek tahun 1988 tidak jadi. Sebab itu tukar tungku cepat-cepat. Sekarang tukar tungkulah daripada tungku ini hantar ke tungku Kemunting sana. Biar dia digodok dekat Kemunting.

Tuan Yang di-Pertua, budaya bangsa menentukan kekuatan negara. Kalau sebuah negara budayanya guncang, kalau rakyat dalam negara sendiri tidak mempunyai budaya, ho-hah, ho-hah, saya sebut sudah beberapa kali dalam Dewan ini jadi kumpulan kebo - geng kerbau Kita yang tua-tua ini tidaklah jadi geng kerbau. Ini yang kita sedih anak-anak muda kita sekarang yang sudah interview 18 kali tidak dapat kerja dan hendak menyambung pelajaran tidak ada tempat kosong. Terpaksa duduk, katanya bangunan Dayabumi di depan Masjid Negara itu cukup cantik.lambangnya, tetapi tempat itu anak-anak kita menubuhkan geng kumpulan kebo! Seekor kerbau membawa lumpur yang lain akan terpalit ini kerana kebudayaan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Kita ada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Tetapi tidak tahulah setakat mana kegiatannya. Dulu pernah saya membahaskan ini kalau buka rekod Dewan ini buku warna merah jambu saya ada bercakap, di mana kita hendak bawa kebudayaan bangsa kita. Kebudayaan bangsa Malaysia. Orang kata kebudayaan ini kompang, tarian singa, bakar mercun, main tak Lempong. Itu bukan kebudayaan, pada sayalah. Tidak tahulah kepada budayawan-budayawan lain tidak sesuai dengan saya tidak apa. Tetapi pada saya budaya ialah cara hidup, macam cara hidup kita. Okay, kalau kita orang Islam, Islam telah menentukan cara hidup kita. Firman Allah: Ertinya, "Wabtaghi fiima atakallaa hud daaral aakhirata walaa tansanasiibika minnaddunya wa ahsin kamaa ahsanallaahu ilaika walaa tabghii fasaada fil ardhi innallaaha la yuhibbul mufsidin". Ini budaya Islam. Tuntut keberuntungan akhirat jangan lupa nasib hidup di dunia. Ini Walaatansanasibika minnaddunya - jangan lupa nasib hidup di dunia yang 60 tahun, yang kata hanya tempat singgah. P.Ramlee kata:

Halia itu tanam-tanaman,

Ke barat juga condongnya,

Dunia ini pinjam-pinjaman,

Ke akhirat juga kekalnya.

Tetapi dunia yang pinjam inilah yang kita memerlukan Budget tiap-tiap tahun. Yang dikatakan pinjaman inilah yang memerlukan Budget sekian-sekian ribu juta ringgit. Walaatansanasibika minnaddunya. Waahsin - maka berbuat baiklah. Kama ashanallaahu ilaik - seperti mana Allah telah berbuat baik ke atas engkau. Walaa tabqhiifasaada fil ardhi - jangan buat kerosakan di bumi. Innallaaha yuhibbul mufsidin - Tuhan tidak kasih kepada perosak-perosak.

Itu budaya hidup, sembahyang untuk akhirat. Buat baik, ibadah yang lain untuk akhirat. Kalau kita buka konsep ibadah, Tuan Yang di-Pertua, luas. Jadi tak usah cerita banyak-banyak.

Jadi, deagan adanya peruntukkan ini untuk luar bandar, untuk kesihatan, untuk pelajaran, untuk jalanraya, untuk taliair, untuk benih padi yang baik maka inilah kita masukkan di dalam cara budaya bangsa menentukan kekaatan negara.

Salah satu sebab yang dikatakan membawa kepada kemelesetan ekonomi negara sekarang katanya: saya bukan pakar ekonomi, jauh sekali pakar ekonomi! tahu sebut "ekonomi" ini pun setelah duduk di Dewan Negara inilah, Tuan Yang di-Pertua. Dulu tidak tahu. Jadi dengar-dengar orang lain kata, jatuhnya atau melesetnya ekonomi negara kita ini ialah kerana katanya jatuhnya harga barang-barang utama kita. Jatuhnya harga getah di pasaran dunia, jatuhnya harga bijih timah di pasaran dunia, jatuhnya minyak kelapa sawit berlawanan dengan minyak kacang soya.

Yang sedihnya, kita ini minum air soya bean tetapi kita tidak tanam kacang soya. Mana ada ladang kacang soya ini. Tetapi kita selalu minum air kacang soya. Tauhu kering, kacang soya. Kita makan tetapi kita tidak tanam. Siapa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang tidak suka makan kacang hijau. Pergi ke kantin mesti cari kacang hijau satu mangkok. Tetapi mana kita punya ladang tanam kacang hijau. Kita beli. Ini termasuk bijirin-bijiran yang kita beli.

Tuan Yang di-Pertua, lada hitam Sarawak banyak, memang saya tahu. Lada hitam mahal sebab satu tan sampai \$750. Kerana jatuhnya harga barang-barang utama, yang orang sebut sekarang komoditi, barangan utama seperti timah minyak kelapa sawit, getah di pasaran

antarabangsa. Ini jatuh di pasaran antarabangsa orang yang membeli, yang tidak mahu beli barang kita dengan harga yang mahal. Kita hendak jual dengan harga mahal tetapi orang tidak mahu beli apa hendak buat?

Jadi, satu soal timbul kenapakah kejatuhan harga barang-barang ini sehingga menjejaskan begitu teruk ekonomi kita. Itu soalnya. Jawapannya ialah kerana kita terlalu bergantung kepada itu sahaja. Jadi kalau dahan sekah, kita bergantung juga, tentu jatuh. Sudah jatuh ditimpa dahan, bukan jatuh ditimpa tangga. Tangga tidak pernah menimpa orang! Pepatah itu kita kenal betulkan, jatuh di timpa tangga. Sekarang orang sudah berumah batu, rumah teres bangunannya tidak ada tangga lagi, masuk sahaja. Ini jatuh ditimpa dahan, tempat bergantung tadi.

Kerana kita selama ini bergantung kepada bahan-bahan mentah sehingga bahan-bahan itu kalau laku untunghlah kita, kalau orang tidak mahu beli, meranalah kita. Perang Korea, getah nak \$2.50, hebat, saya pun berhenti jadi cikgu, memotong getah. Jadi guru gaji \$41.00, memotong getah lagt bagus, getah sekerap \$8.00 sekati, tahun 50an. Masa Jepun, getah langsung tidaklaku, buat kasut sahaja yang boleh. Buat kasut sendiri daripada getah yang dilenyek, dimesin dengan mesin yang licin, buat cetaknya daripada kayu pulai., cukup kuat, tahan kejap. Tetapi jangan tidak buka sampai satu hari, mula di celah-celah jari, di celah kuku jadi kohong sebab bau getah masuk di situ.

Jadi, apabila merosot ekonomi negara ini bukan sahaja negara yang terjejas, rakyat terjejas. Tidak sahaja petani, malahan tuan punya ladang, bukan sahaja pelombong, malahan orang yang tanam sayur di kampung di tanah-tanah pinggir, di tanah-tanah tol, melibatkan projek-projek yang ada semuanya terbengkalai. Kalau kita lalu, kita tengok ada bangunan sekerat siap,sekerat nampak besi tercacak. Fasal apa, projeknya terbengkalai. Fasal apa, ekonomi. meleset. Itu jawapan yang paling senang kita dengar, jawapan yang mudah. Projek-projek untuk faedah rakyat ditangguhkan. Saya sebelum datang ke Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke kampung saya Sri Medan, Parit Sulung, tengok jambatan yang saya sebut di Dewan ini empat tahun dahulu. Di sana ada satu jambatan James Bond, Jambatan menyeberangi simpang kiri Sungai. Batu Pahat, tinggi jambatan itu. Saya kata takkan tidak boleh menurunkan jambatan itu menjadi rata. Saya kata kartun betul. Jambatan yang tidak ada boleh buat, jambatan yang tinggi. melengkong, jambatan itu tinggi kerana bawah itu motorbot hendak lalu hendak mengeluarkan

bijih besi daripada Sri Medan.

Sekarang bijih besi sudah tutup, bot sudah tidak lalu tetapi. jambatan itu masih tinggi 45. Beribu orang-orang kampung daripada Raja Sari, Rengas Manok, Parit Leman, Parit Warijo yang keluar anak-anak pergi sekolah menengah. Ini tempat yang berlaku banjir. Ini bulan Disember, bulan Januari banjir tiga bulan. Tempat Perdana Menteri pergi kata apabila Perdana Menteri datang, insya Allah tidak lagi banjir. Sudah mula banjir, Saya baru pergi. Bukan Perdana Menteri boleh menolak banjir, sebab air itu datang daripada Yong Peng, daripada Segamat, daripada Chaah, daripada Paloh, kumpul di situ. Di situ macam kawah, Sungai Batu Pahat sudah tohor, pokok-pokok Pedada yang tumbang tidak dipotong. Kemudian motorbot tidak boleh lalu, jadi keladak sungai itu makin lama makin naik. Kenapa jambatan Sri Medan itu hingga sekarang tidak siap? Ini saya hendak tanya. Turun sudah turun, jambatan yang lama itu masih ada. Di bawah itu sudah buat sebelah jambatan papan. Saya pun lalu, gedugang! gedugang! gedugang! Jambatan yang dibuat itu sudah ada, di sebeiah sana jauh sedikit, jambatan konkrit, Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya kenapa jambatan baru tidak boleh dipakai? Meleset. Meleset ini. bermakna meleset ekonomi. Orang kampung kata meleset. Begitu lama keperluan rakyat, kenapa?

Ini satu contoh, saya ingat banyak lagi contoh-contohnya. Saya sebutkan jambatan-jambatan daripada Masjid Tanah sampai ke Port Dickson, ikut Pengkalan Kempas, ikut Pasir Panjang, ikut Linggi. Alhamdulillah, sudah dibuat. Ada lagi satu dua jambatan yang masih gedugang-gedugang-gedugang. Tak usah kata malu dengar pelancong, kasihan dengan orang kampung. Malu dengan pelancong kenapa? Kalau negeri kita jalannya buruk, biarlah, tetapi kasihanlah dengan orang kampung kerana di situlah penyokong Kerajaan, di situlah letaknya

orang UMNO, di situlah letaknya orang MCA, di pekan Linggi itu kalau ada pun. Itu pun sudah ada DAP di situ, fasal marah dekat jambatan. Parti PAS sudah tidak ada lagi. di si.tu. Sebab orang situ yakin dengan Datuk Menteri Besar jadi. Wakil Rakyat Linggi. Apa-apa hal Datuk, kita tentu, tetap menyokong UMNO, jangan susah Datuk, ini kali, insya Allah, menang tidak bertanding, menang tidak bertanding, betul. Senang sahaja orang Melayu, asalkan apa yang menjadi. kerumitan kepadanya dapat diselesaikan segera.

Kemudian selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, para lepasan sekolah universiti. yang mudah mendapat pekerjaan dahulu, sekarang ini sukar mendapat pekerjaan, kenapa? Semalam kita sudah bahaskan, perancang kata begini-begini, sekian tahun, tahun 1986 kita hendak keluarkan siswazah 8 ribu, 1987 hendak keluarkan lagi 6 ribu, jadi 14 ribu, tahun 1988 keluarkan lagi 9 ribu campur 9 ribu jadi 23 ribu, tahun 1989 akan kumpul pula 10 ribu, jadi 43 ribu. Ini pun jawapan macam-macam Dalam Dewan ini saya dengar kata siswazah menganggur 12 ribu, jawapan dalatn Dewan Rakyat, lain jawapan di luar lain, di suratkhbar kata 30 ribu hingga 50 ribu, jadi mana satu figure, mana yang fact, tidak tahulah. Mana yang benar, cubalah beri. satu angka yang betul. Kalaulah yang menganggur dikata 30 ribu, cakup 30 ribu, jangan takut, tidak memberontak kalau anak Melayu, percayalah. Dia masih hormat dengan orang tua-tua. Kalau pemimpin UMNO ini bercakap sabar anak-anak ku, sabar, sabar, sabar, tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan dan tidak ada lidah yang tidak tergigit oleh gigi wahai anak-anak ku. Sabar, dia sabar. Tetapi kalau anak kita nanti sudah tidak boleh sabar, itu lain cerita.

Syarikat-syarikat perniagaan makin banyak yang gulung tikar, kalau dahulu kata bumiputera sedang mencuba peluang dalam bidang perniagaan, baca suratkhobar, di Kelantan berapa banyak kontraktor Melayu yang gulung tikar. Pinjaman bank terus menekan, menghimpit, gelaran muflis menjadi bayangan yang tidak dapat melelepkan mata tidur sepanjang masa. Soalnya sekarang ini, apakah kita tidak boleh keluar daripada bahana. Jawapannya pada saya, Tuan Yang di-Pertua, boleh. Kita boleh menyelesaikan masalah ini, caranya ialah kita mesti mempunyai satu daya usaha di dalam cara pemasaran.

Semalam saya baca kenyataan Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz menyatakan pegawai-pegawai yang duduk di bahagian perdagangan di luar negeri ada di, antaranya yang senang cakapnya, tidur. Hendak dikatakan dia tidak buat itu ini., saya tidak tahu. Sebenarnya saya mengambil daripada ucapan Datin Paduka Rafidah Aziz itu dan senang-cakap, Tuan Yang di-Pertua, ada di antara pegawai-pegawai yang kerja memasarkan barangan kita di luar negeri itu tidur, tidak cekap, kurang ilmu pemasaran dan sebagainya, menjadikan barangan hasil utama kita di luar tadi tidak begitu mendapat harga yang baik, sambutan yang baik. Hendak kata getati kita tidak laku, getah tiruan saya dengar sudah 25 tahun, getah tiruan. Ada nanti minyak kita tidak laku, ada minyak tiruan. Bijih timah tidak laku, nanti ada bijih timah tiruan. Jadi, semua ada tiruan, sedangkan orang masih memerlukan getah asli, bijih timah yang sebenar, logam yang sebenarnya. Kaya kita, hilang bijih timah, ada emas.

Sekarang di Mersing orang tengah "gila" mendulang emas di bawah pokok getah. Saya pergi tengok, Tuan Yang di-Pertua, jalan pergi ke Endau. Orang di tempat saya heboh, jom kita pergi ke Mersing cari emas. Saya kata gilakah, mana ada lombong emas? Cuma cedok dulang sahaja, boleh dapat setengah pot emas kotor, setengah tin rokok, balik tolak boleh dapat \$70 hingga \$80.

Itu menunjukkan Allah taala sayang kepada kita, Allah taala kasih kepada kita. Kita hendak katakan bijih timah itu tidak akan pupus, emas timbul di Mersing. Di Hutan Simpan kawasan Rompin itu di dalamnya ada apa, wallahualam bissawab, kita belum tahu. Kalau adapun, ahli kajibumi dia masih rahsiakan tailnya. Entah apa pula yang ada di situ.

Kita jangan lupa dalam ayat Quran kata ada 'al-luk-luk walmarjan'. Macam mana 'luk-luk walmarjan. Bila kita tahu 'marjan' itu 'luk-luk' zamrud, batu 'tuk-luk', ini khazanah yang Allah taala telah ada sediakan. 'Ala hurabikuma tukazziban' - hilang getah timbul minyak, hilang minyak timbul timah, hilang timah timbul emas, hilang semua ini nanti akan timbul 'luk-luk-u-walmarjan'. Allah taala kasih kalau kita hidup aman damai, tetapi kalau kita hidup berperang, ada emas pun tidak guna, tidak guna ada emas.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, semalam kita ada bahas sedikit masalah kilang nenas. Kalau satu masa dahulu Kuwait sebuah negara yang membeli nenas kita, mengapa sekarang ini di dalam buku Laporan Nenas ini, Kuwait sudah tidak beli lagi, Kuwait dalam buku Laporan Nenas ini, kalau tidak salah saya, Kuwait tidak ada. West Germany, United Kingdom, France, Italy, Denmark, Greece, Kuwait tidak beli, sedangkan orang sana suka minum air nenas dalam tin. Sepatutnya kita hidupkan balik kalau ada ilmu pemasaran, joint venture dengan saudagar Arab Kuwait, kita buka ladang nenas, kita tinkan nenas, angkat pergi ke sana, harga murah, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita lihat kepada barang-barang luar negeri yang ada di dalam negara kita, tadi masalah barang kita ke luar, sekarang barang luar dalam negeri. Semasa Jepun mana ada kain, kain belacu pun susah. Orang meninggal dikapan dengan tikar, orang meninggal di setengah tempat dikapan dengan lumpur sahaja, sudah tidak ada tikar lagi, dengan lumpur, ini berlaku. Tetapi sekarang zaman mewah ada kilang kain, ada kilang kapas, ada kilang sutera dalam negara kita ini kerana kita mempunyai ladang menternak ulat sutera asli, tetapi kita kalah dengan penciptaan seorang saudagar seluar jeans. Di dalam negara kita semua orang pakai seluar jeans kerana seluar ini tahan lasak, makin 'seasoned' kata budak-budak, makin sedap dipakai, saya pun tidak tahulah macam mana. Saya kata: "Apa seluar kain guni dibeli?", Anak saya kata: "Bapak apa tahu, bapak out-of-date". "Alamak!" saya kata, anak saya kata saya sudah terkeluar daripada masa yang sepatutnya, macam mana? Tengok, seluar jeans siapa cipta? Datang daripada mana? Ini contoh satu pakaian.

Benar, ada pakaian-pakaian yang dicipta dengan jenama baik, yang dibuat oleh kilang ataupun pengeluar yang terkenal tetapi yang sebenarnya dibuat di kampung-kampung, ada yang saya tahu. Baju 'T' atau baju kemeja ini. ciptaan, buatan biasa, dijahit oleh tukang jahit biasa, tetapi diletakkan label. Ini berlaku dan saya pergi tengok memang betul, mereka diberi upah, Tetapi, ini satu contoh perbandingan kepada kita untuk memperlihatkan bagaimana negara kita dibanjiri. oleh pasaran seluar jeans. Baiklah, berapa cukai yang kita dapat tetapi. berapa banyak duit kita yang lesap, itu sahaja. Jadi kita patut kena fikir kita boleh tukar cara itu supaya kita sendiri boleh mengeluarkan seluar jeans untuk basahan pekerja, untuk ke dalam majlis-majlis.

Negara kita banyak ayam, penuh dengan ladang ayam sehingga di kampung-kampung, setengah-setengah kampung tidak tahan bau tahi ayam, setengah-setengah kampung diserang oleh lalat yang datang daripada reban-reban ayam kerana banyaknya ayam sehingga anak ayam dibakar di Gelang Patah, Johor kerana banyaknya ayam. Tetapi cuba kita buka sejarah ayam 'Kentucky'. Berapa banyak duit kita, banyaklah orang Kuala Lumpur yang makan ayam 'Kentucky', tidak sempat hendak masak balik nanti - orang Kuala Lumpur. Orang kampung tidak makan ayam 'Kentucky', tidak tahupun ayam 'Kentucky', haram katanya, ayam tidak sembelih katanya. Orang Kuala Lumpurlah yang makan itu, bawa anak-anak hari Sabtu petang, hari. Minggu makan ayam 'Kentucky', ayam goreng sahaja tanpa nasi. Jadi yang kuat makan ayam macam itu, yang kuat macam lauk itu kucinglah dia, bukan orang lagi. Tetapi daripada mana sumber asal 'Kentucky' ini, dia ini seorang bekas askar yang sebenarnya. Kerana dia biasa dengan ration askar, tidak sedap - Kolonel Saunders namanya, dia mencipta resepi adunan bagaimana menggoreng ayam menjadi gurih tanpa dimakan dengan apa-apa. Ini makan ayam dengan aiskrim tidak muntah, fasal dulu kalau kita makan aiskrim dengan ayam - muntah, sekarang tidak muntah. Ayam 'Kentucky' satu kotak, aiskrimnya satu balang, tidak muntah dia! Saya takut di situ ada ubat khayal yang macam kita bahaskan tempoh hari. Kerana ada ubat khayal di dalam resepinya kita pun khayal makan ayam sehinggakan kita pun tidak tahu apa yang jadi dalam negara kita. Ini contoh-contoh.

Saya dengar ayam kita dibawa ke negeri luar berlori-lori satu hari. Tuan Yang di-Pertua, bulan 12 jangan cakap fasal harga ayam naik kerana banyak orang kerja kahwin. Satu-satu rumah buat kerja kahwin tidak kurang 200 ekor, 300 ekor, 100 ekor potong ayam. Jadi

pembekal ayam kata ayam naik, musim hujan ayam tidak jadi, pandai sahaja. Telur pun naik 17 sen, itu hari 12½ sen kerana bekalan kurang katanya. Tidak tahulah, ini dasar orang berniaga, tidak mengapa, rakyat kita juga yang untung. Jadi kalau tidak mahu itu setnua, kerja kahwin jangan sembelih ayam, jangan buat bunga telur lagi. Saya punya cakap macam itu di kampung, kalau susah-susah sangat, jangan sembelih ayam, kita ternak ikan keli, ikan haruan, kita kenduri sama keli, sama haruan. Musim Jepun kenapa jadi? Musim Jepun kenduri kahwin, jadi anak juga, ada anak itu yang jadi Menteri. Tidak ada bunga telur pun menjadi juga, bercucu pun, itu sahaja, Cuma sekarang zaman aman, hendak berbunga telur, tidak mahu bunga telur, hendak telur puyuh pula. Di mana pula kilang puyuh kita hendak buat. Ini masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi apa yang kita harapkan sekarang ini ialah daripada hal-hal itu semua kita mengharapkan supaya semangat persefahaman yang ada pada kita selama ini yang menganut, yang mendukung Kerajaan ini akan cerus kekal sampai bila-bila. Tidak ada yang akan menimbulkan genting dan panas.

Saya masuk kepada satu-satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri yang diperuntukkan \$328,225,410. Bagaimana hendak melaksanakan ini semua supaya kek tadi dapat dimakan oleh semua orang, rasa persefahaman. Semua orang hidup dengan baik sangka, tidak ada perasaan begitu begini. Peranan Jabatan Perpaduan Negara, tolonglah. Sudah lama daripada mendiang Tun Sambanthan dicipta. Kita ada berbagai-bagai badan untuk memberi nasihat kepada Jabatan Perpaduan Negara. Jadi supaya Jabatan Perpaduan Negara yang letaknya di bawah Jabatan Perdana Menteri ini memainkan peranannya macam mula-mula selepas berlaku Peristiwa 13 Mei dahulu. Jadi, hidup dalam keadaan baik, hidup dalam keadaan tenteram, tidak ada perasaan syak-wasangka di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain.

Pendirian yang seumpama itu ada rasa persefahaman tadi, terutama sekali dalam para pemimpin dan pendokong Kerajaan yang sendiri mesti meraperlihatkan contoh yang baik, contoh yang berpijak di bumi nyata. Kita tidak mahu seorang pemimpin bercakap di hadapan kaum lain, lain nadanya, bercakap di hadapan kaumnya lain nadanya. Kita tidak mahu. Itu pemimpin 'hypocrite' namanya, itu pemimpin yang munafik namanya. Kita tidak mahu.

Kita sebagai orang Malaysia, di mana sahaja kita bercakap dengan nada yang satu, kita tidak mahu seorang pemimpin mempunyai dua identiti, kata orang sekarang. Pakai baju Melayu cakap cara lain, pakai bush jacket cakap cara lain. Itu kita tidak mahu. Kita mahu 24 jam nadanya sama walau di mana dia bercakap. Dia bercakap di tokong macam itu, bercakap di balairaya macam itu, bercakap di tepi sekolah agama pun macam itu. Kalau lepas dia bercakap di kuil, dia pergi ke satu kampung, kenduri pun, dia bercakap yang satu. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin Melayu, dia bercakap di masjid, dia bercakap di padang, dia bercakap di balairaya, dia bercakap di pesta keramaian, tetapi jangan dia bercakap di kuil. dan di tokong. Itu kena, fikir, kalau tidak runtuh pentas sekali lagi.

Sikap yang seperti itu yang perlu kita tanamkan. Kita tidak mahu adanya pemimpin-pemimpin yang bersifat talam dua muka, pemimpin-pemimpin yang munafik tadi, yang hypocrite tadi, yang bertalam dua muka tadi, kita tidak mahu. Kenapa kita mesti menjadi pemimpin talam dua muka? Kerana kepentingan diri kerana mahu jadi jaguh, kerana mahu jadi ayam sabung. Tetapi ingat, kata orang tua-tua, "kerana pulut santan binasa, kerana mulut badan merasa".

"Merasa" itu senang sahaja, tetapi kata orang tua-tua, "badan merasai". "Merasailah dia macam mana deritanya". Kepada pemimpin-pemimpin politik, waima kepada kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang kalau bercakap di depan satu kumpulan lain nadanya dan di depan lain kumpulan lain nadanya. Hendaklah dihentikan sikap seperti itu kerana ini akan merugikan cara dan usaha kita hendak memupuk perpaduan dan keharmonian kaum dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau orang bercakap dia kurang, saya lagi banyak kurang, kalau orang kata dia belum dapat, saya lagi banyak belum dapat. Kalau orang kata dia belum dapat, aku sudah banyak beri. Jangan kita terberi peha setelah diberikan betis.

Kepada pemimpin-pemimpin dan pendokong-pendokong Kerajaan, kakitangan dan pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai pendirian yang kuat, mempunyai pendirian yang kukuh mengenai dengan dasar-dasar Kerajaan baik dalam bidang bahasa. Soal bahasa terpaksa diadakan satu acara baru pula memperingati, macam Bulan Bahasa Kebatigsaan. Cuma di dalam kempen ini, dalam poster-posternya, dia ada tulis, "Gerakan Cintailah Bahasa Kebangsaan". Jadi susah juga saya hendak bercakap dengan orang bijak pandai ini sebab kalau kita hendak tunjuk satu-satu kerja kepada orang ramai jangan timbul cacatnya. Apa salahnya lagu "Gunakanlah Bahasa Kebangsaan Kita", semua orang sudah boleh menyanyikannya. Ini hendak tukar lagu baru pula. Cikgu Joseph dari Muar itu penat melatih anak-anak di Muar menyanyi lagi "Bahasa Jiwa Bangsa".

Pada 11hb ini, iaitu hari pelancarannya hendak tukar lagu baru. Kenapa perlu tukar lagu baru? Lagu yang lama itu yang semua orang sudah kenal, bunyi sahaja nada itu, anak kecil berumur tiga tahun

pun, dia tahu, "anaalah aaca kebangsaan", tengok. Apabila tukar lagu baru, dia kata, "atok, ini lagu apa atok?" "Entahlah atok pun tak tahu, nanti atok hendak cakap dekat Dewan". Inilah saya bercakap,

Apakah kerana kita hendak menunjukkan kita ada banyak composer yang boleh mengubah lagu? Adakah kerana itu? Atau apakah senikata dalam lagu "Bahasa Jiwa Bangsa" yang lama dahulu itu tidak betul, kerana itu barangkali pada zaman allahyarham Tan Sri Syed Nasir, panglima bahasa kita? Cubalah ini, kalau boleh di dalam pelancaran Gerakan Cintai Bahasa Kebangsaan pada 11hb di Shangri-la pula itu. Kenapa tidak dibuat di PWTC atau di Menara Dato' Onn atau kenapa tidak dilancarkan sahaja di Bangunan Parlimen ini, misalnya? Kenapa di Shangri-la, di sebuah hotel? Orang tanya. Shangri-la tu apa ya, Ustaz?" "Hotel lo". "Kok pelancaran Cintai Bahasa kok kat hotel?" Orang kampung tahu hotel itu tidak macam kita tahu. Sedangkan sekarang di hotel pun sudah ada bilik sembahyang, tetapi orang kampung lain. Pergi ke bendang- bendang sana, ke Kubang Pasu, ke Jitra, ke Padang Terap sana, "Apa cerita ini, hendak rasmi bahasa di Hotel Shangri-la pula? Fasal apa tak buat di Menara Dato' Onn?" Ini diutara.

Saya pergi buat tinjauan, "patut tang Menara Dato' Onn tu la, dok kenang jasa Dato' Onn". Di mana silapnya? Wallahualam. Masih boleh diperbetulkan. Sebab itu saya katakan tadi kita tidak mahu terutama sekali daripada golongan tokoh pemimpin bersifat talam dua muka.

Kepada yang di bawah-bawah ini tidak apa-apa, dia mengikut yang di atas. Kalau yang di atas bersalam, yang di bawah pun bersalam, yang di atas berpeluk yang di bawah pu berpeluk, yang di atas senyum

yang di bawah pun senyum, tetapi yang di atas ketawa, yang di bawah alamak, sakit. Dalam keadaan hari ini, sakit, yang di bawah sakit, hujan, jatuh harga barang komoditi getah, kelapa sawit, mereka menangis. Nanti bulan satu anak-anak hendak masuk sekolah, hendak beli kasut baru, bag baru, baju baru, pensil baru. Kita tidak mahu jadi bangsa subsidi, tatkala hendak diberi pinjaman-pinjaman lagi. Sebab itu semangat yang telah kita tanam sejak Perikatan sehingga kepada Barisan Nasional sekarang ini, apabila kita berdepan dengan satu-satu masalah hendaklah kita bersama-sama. Tenggelam sama-sama tenggelam, timbul sama-sama timbul. Barulah kata, "inilah harapan bangsa, ini dadaku. Mana dadamu?" Tidak, apabila timbul sahaja huru-hara, lari. Pengecut. Cuma hendak senang di masa senang, apabila susah dla lari. Pemimpin-pemimpin semacam ini sepatutnya tidak ada di zaman Malaysia mahu membangun.

Kita lihat contoh Fiji sana, bagairana Colonel atau General Rabuka boleh memimpin rakyatnya. Tetapi dia tidak buat kacau, dia ambil juga orang yang pernah menjadi wakil Queen Elizabeth itu menjadi Presiden balik. Cuma kerana ada ketimpangan yang berlaku di Fiji itu. Kita di dalam Malaysia ini, kita kena fikir sedalam-dalamnya supaya setiap keputusan yang telah dibuat secara bersama tadi tidak dipertikaikan.

Peranan Jabatan Perpaduan Negara iaitu B.7 - Jabatan Perdana Menteri, saya minta supaya dikemaskinikan dan dilaksanakan kempen-kempen dan program-programnya terutama di kalangan orang dewasa. Ini jangan ada sukan tahunan di kalangan penuntut-penuntut TADIKA, dalam kelas Jabatan Perpaduan ini ada kelas TADIKA. Ini budak-budak, anak-anak Cina, anak-anak Melayu, anak-anak India disuruh lari sama-sama mencari gula-gula. "Lihatlah tuan-tuan perpaduan

di kalangan anak-anak kita mencari gula-gula bersama-sama." Budak-budak tahu apa? "Senator Haji Shaharom menyampaikan hadiah kepada anak-anak yang menang mencari gula bersama-sama" - kita tidak mahu ini. Kita mahu bapa-bapa anak-anak ini, abang-abang anak-anak itu yang mahu diasuh, boleh mencari rezeki bersama-sama, buka workshops bersama-sama, buka kedai motosikal bersama-sama, buka petrol pump bersama-sama, ke laut jadi nelayan bersama-sama, buka kedai runcit bersama-sama, jual roti sama-sama.

Ini budak umur 4 tahun TADIKA, tany gula-gula suruh ambil, tengok tuan-tuan, anak-anak kita tidak kira keturunan, Melayu, China, India, Orang Asli berebut-rebut bersama-sama tanpa perasaan gaduh, budak hendak gaduh apa? Asal ada gula-gula. Yang sudah besar ini hendak mencari gula-gula itu yang gaduh. Ini yang hendak dibetulkan, jadi psikologi pendidikan saya terima yang tadi dari TABIKA. Tetapi itu setakat TABIKA.

Kita tengok dalam negara kita mana ada satu Kelab Belia yang dianggotai oleh semua kaum? Ini saya hendak tengok satu Kelab Belia, Kelab Belia A Pengerusinya Melayu, Timbalannya China, Setia-usahanya India, Bendaharinya Orang Asli. Kalau di Sarawak sana Bendaharinya Iban, Kadazan, Jawatankuasanya orang Penan, orang Bidayuh, orang Murut - tidak wujud tagi Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud.

Timbalan Yang di-Pertua: Di Sarawak ada, Yang Berhormat.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ada, terima kasih. Kerana pimpinan Sarawak itu begitu drastik [Ketawa]. Kita mahu wujudkan di setiap kawasan Dewan Negeri, di setiap Parlimen, di setiap mukim macam itu supaya anak-anak muda Melayu, anak muda China, anak muda India boleh duduk di warung sama-sama bukanlah hendak minum secara 3 orang, boleh duduk sama-sama minum. "Apa macam kita punya worksyop, ini bulan merosotkah, melesetkah? Apa macam kita punya van, jual susu, jadi agen itu, agen ini, agen biskutkah". Ini tidak, yang jadi agen dimonopoli satu kaum sahaja, yang menjadi wakil pengedar satu kaum sahaja, yang tukang beli ini satu kaum sahaja. Apakah yang tukang beli ini tidak boleh jadi tukang jualkah? Ini yang hendak dibetulkan. Jadi kalau itu melibatkan sehingga kepada

Kementerian yang mengeluarkan lesen, inipun hendak dibetulkan, itu-kan besar kebbaikannya daripada anak-anak cari gula-gula sampai ke pembahagian lesen kalau pembahagian lesen tidak betul memang orang mengamuk.

Saya pernah tanya pengedar rokok, kita kata rokok ini merbahaya, tetapi pengedar rokok makin bertambah berapa kuota pengedar rokok sebab ini untungnya besar. Kalau pengedar maajun baru orang Melayu [Ketawa] , yang lain orang lain.

Mengenai Maksud B.7 - Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Hal Ehwal Agama. Jemaah haji yang baru balik tahun sudah bulan September dan Oktober belum lama dahulu kurang sudah cerita mengenai dengan kesusahan yang dihadapi apabila kita menukar kepada sistem Muasasah.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji kerana telah membaiki, kita mengharapkan dia akan terus membaiki kalau ada lagi sedikit rungutan-rungutan. Saya tanya kepada keluarga saya yang pergi, dia kata "bagus ah! Muasasah, ada epalnya, ada pisangnya, ada anggurnya". Dahulu masa pergi dengan Syeikh kena beli sendiri. Kemudian ada pula yang merungut mengatakan, "maca mana yang ikut package ini bayar lebih tetapi apabila balik Lewat tidak ada sarapan", itu hendak kena betulkan juga, sebab orang ini cuma itu sahaja, kalau dia letih hendak minum, kalau ada air dia sejuk, apabila dia lepas ke hadapan ini dia marah, balik tidak ada air, apabila dia beli segelas air, sebotol dia akan sejuk. Usaha-usaha Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri kita kena kaji dari satu masa ke satu masa, kita kena mengambil sedikit bahagian bercakap dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Agama Islam kerana telah menghantar ke setiap

masjid apa yang saya minta dalam Budget tahun sudah supaya kitab "Mustika Hadis" itu dihantar ke setiap masjid seluruh negara. Saya tahu memang sudah sampai ke masjid, cuma tidak dibaca kitab "Mastika Hadis", tidak dibaca, dikunci dalam almari jilid 1, jilid 2 - nanti hilang kata Pak Bilal atau Pak Siak - ini sayang. Apa yang sedih kitab "Mastika Hadis" ini apabila sampai ke masjid ini dia tidak kata ini daripada Jabatan Perdana Menteri, ada orang lain menggunakan hal itu untuk kepentingan, "ini saya yang beri derma" - masya Allah dalam masalah menyampaikan kitab hadis pun orang mengambil kesempatan macam itu - itu berlaku. Jadi orang kata,"dapat kitab Hadis, ustaz si polan yang wakaf" katanya, habis masjid mana lagi dapat? Masjid situ pun dia juga wakaf, sana pun dia juga wakaf. Ini tidak betul.

Saya pernah bercakap dalam Dewan Negara saya kata "Mastika Hadis" ini hendaklah dihantar ke setiap masjid seluruh negara supaya dibaca dan dipelajari, tetapi ada orang mengambil kesempatan tidak apalah. Apa yang kita minta ialah supaya dicetak lagi seberapa banyak dan dimurahkannya jangan ambil untung banyak sangat hendak jual kitab Hadis Rasulullah asalkan boleh balik duit mencetak kitab ditaburkan lagi.

Sempena bulan Ma'al Hijrah yang kita tahu seluruh negara cuba menyebutnya, tetapi tahun yang dahulu belum begitu hebat, tahun ini seluruh negara boleh dikatakan hebat orang menyambut Ma'al Hijrah, tetapi sayangnya tidak ada garis panduan bagaimana hendak menyampaikan tema, hendak menyampaikan maksud tujuan sarabutan Ma'al Hijrah. Saya tidak tahulah kerana saya tidak dapat risalahnya sebab saya pun dipanggil orang teruk juga bersyarah Ma'al Hijrah. Jadi yang saya dapat di Johor ada buat khutbah khusus berkenaan Ma'al Hijrah dengan satu kertas syarahan khas mengenai Ma'al Hijrah ditabur ke seluruh masjid-masjid untuk jadi bahan. Diharap kalau dapat

Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri menyiapkan kerana hendak Ma'al Hijrah tahun hadapan, siapkan apa yang kita hendak untuk tnenjadikan masyarakat Istam, masyarakat yang bermoral, berakhlak, siapkan satu bahan, satu talking point, satu kitab risalah supaya serentak seluruh negara dapat menyampaikan maksud Ma'al Hijrah tahun 1409 dengan nada yang sama sebab sekarang digunakan orang UMNO bersyarah Ma'al Hijrah lain bawa, orang PAS bersyarah mengenai Ma'al Hijrah lain, dia hentam cukup-cukup. Tengok Ma'al Hijrah kita mesti pindah daripada kebodohan, kita mesti gunakan sebab kalau kita ada satu 'talking point' yang sama seluruh negara tidak boleh mencelah menggunakan Ma'al Hijrah untuk kepentingan parti politik ini, kerana saya dengar Tuan Yang di-Pertua, digunakan Majlis Forum Maal Hijrah itu untuk kepentingan politik.

Yang kedua, berkenaan dengan "Maulud-ur-Rasul" yang sekarang ditukar dari "Maulud Nabi" sekarang ditukar kepada "Maulud-ur-Rasul". Saya pernah bercakap dalam Dewan yang mulia ini apa salahnya kalau Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri menterjemahkan kitab Berzanji itu ke dalam Bahasa Melayu senang sahaja ceritanya. Panggil seorang yang fasih dalam bahasa Arab, sastera Arab terjemahkan, jadi boleh orang kampung baca Berzanji, yang jadi masalah sekarang ini kita panggil pensyarah dari Pusat Pengajian Tinggi, dia kata kenapa orang kampung masih baca Berzanji "Al-jannatu wanai'muhasa'adun liman yusalli wayusallim wayubaarik 'alaihi....". Apa yang ada di situ, kita tidak tahu bagaimana Nabi menyusun ekonomi, Nabi membuat Perlembagaan Madinah, Nabi menyusun bala tentera untuk berperang tidak ada daiam itu - rugi kita. Habis kalau macam itu baca Berzanji rugilah selama ini, tengok kita kena betulkan.

Saya berharap supaya Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Perdana Menteri menterjemahkan kitab Berzanji itu ke dalam Bahasa Melayu, habis cerita, saya pun tidak mahu tambah panjang-panjang,

Lagi satu mengenai dengan Majlis Katwa Kebangsaan. Kita tahu fatwa tidak boleh dikeluarkan sesuka hati kerana fatwa adalah satu perkara yang berat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato'Dr. Mohamed Yusof bin Mohamad Nor telah menjawab beberapa kali bahawa fatwa dalam negara kita tidak boleh dikeluarkan dengan suka-suka hati, satu masalah satu fatwa - satu masalah, satu fatwa.

Tetapi apa yang menimbulkan masalah sekarang ini ialah fatwa yang dikeluarkan itu membingunkan orang ramai. Saya sebutkan sekali lagi Johor, kerana dia mempunyai satu Lojinah Fatwa daripada zaman Syed Alwi Al-hadad menjadi Mufti hingga dicetak kitab fatwa itu, Jadi, sepatutnya Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri juga menyediakan satu bahagian yang mengumpulkan fatwa-fatwa Mufti-mufti seluruh negara kita ini dikumpulkan dan dikitabkan jadi fatwa untuk negara kita. Kita tidak boleh cari dan tidak perlu mengeluarkan fatwa-fatwa yang baru.

Misalnya yang paling baru sekali yang mengemparkan orang ramai ialah mengenai fatwa haram dipanggil Haji sebelum ke Mekah, fatwa daripada Lojinah Fatwa Negeri Johor. Orang banyak bertanya kepada saya, apa raacam ustaz saya ini memang ikut sunnah Nabis.a.w., kata pakai serban, bakai baju labuh - gamis ini ikut sunnah Nabi s.a.w., sekarang ada pula fatwa. Jadi, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Agama Jabatan Perdana Menteri Dr. Abdul Hamid sudah menerangkan hendak menjawab. Kemudian seorang ulama kita, wanitalah, seorang yang berpangian daripada Masir Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah menjawab pula. Jadi, bercanggah di antara fatwa yang dikeluarkan oleh Lojinah Patwa Johor dengan jawapan Yang Berbahagia Dr. Abdul Hamid, Bahagian Hal Ehwal Agama dengan saranan Yang Berhormat Puan Hajjah Shariffah Dorah, masyarakat bingung mana satu hendak ikut, sebab ini untuk kepentingan umat.

Kemudian, dalam dua tiga hari yang lalu suratkhbar kita ada menulis bahawa Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri ini akan mengadakan sekali iagi seminar Saufi, membincangkan masalah-masalah amalan-amalan tharikat di seluruh negara kita, yang akan menerangkan nanti ada 30 yang menyeleweng, yang salah. Saya sanjung tinggi ini.

Usaha-usaha yang baik ini hendak menjernihkan kalau ada yang keroh, pada 7 - 8 Disember ini kalau tidak salah di Pusat Islam. Jadi, apa yang saya mahukan ialah supaya keputusan daripada seminar itu jangan dijadikan isi khutubkhanah. Ahli zikir; minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, ini saya terpaksa bercakap sedikit hal ini. Ahli zikir; saya baca dalam satu kitab ialah merupakan Almawakibul Illahi - angkatan keagungan Tuhan, angkatan keagungan Allah. Seorang ahli zikir yang tidak memikirkan yang lain, dia hanya berzikir sahaja, dia adalah manusia yang dilindungi oleh malaikat dengan sayap-sayapnya.

Sepertimana saya katakan semalam kita jangan khuatir kalau minyak kita pupus dalam tahun 2002 kerana sejarah membuktikan, Tuan Sheikh Abdul Wahab Rokan adalah seorang ahli zikir, seorang ulama tharikat di Langkah, Sumatera, apabila dia diminta supaya bersekolongkol dengan Jepun, dia lari ke Batu Pahat maka minyak tanah yang ada di Langkah itu kering - ini karamahnya Tuan Sheikh Abdul Wahab. Apabila dia sampai ke Batu Pahat maka di Batu Pahat timbul bijih besi. Apabila sudah aman perang dunia kedua, dia balik ke Langkat, di sana timbul minyak balik, bukan sahaja minyak tanah, malah petrol yang sekarang ada PARTAMINA tetapi bijih besi di Batu Pahat habis. Ini 'karamah. Terengganu sekarang timbul minyak kerana pemimpin Terengganu - Menteri Besar Terengganu itu seorang ulama, barangkali dia termasuk seorang dalam angkatan Alma wakibul Illahi, maka Allah taala sayang kepada Terengganu yang tandus, kelapanya segan hendak berbuah di tepi-tepi pantai itu, dierinya minyak di laut. Ini hikmah Allah taala, kita jangan ragui, kita tidak tahu dalam masalah ini - kemungkinan. Jadi, selama 15 tahun keadaan itu sekarang sudah menampakkan.

Jadi, Bahagian Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri di bawah pimpinan Dato' Dr. Yusof Noor ini cuba hendak mengamankan benda yang menjadi pertelinggahan.

Saya sanjung tinggi dan saya harap perkara ini akan berjaya. Cuma apa yang saya kehendaki siupaya falsafah zikir ini jangan menjadi ahli zikir ahli-ahli teori sahaja, dia hanya bercakap sahaja mengenai dengan hal ini tetapi dia tidak mengamalkan - tidak mempraktikkan. Ini secebis daripada Saufi bukan keseluruhan. Jadi dia hanya bercakap menganalisa tetapi dia tidak mengamalkan. Saya takut jangan jadi seperti itu. Saya harap usaha-usaha ini akan menelurkan hasil yang baik dan berfaedah. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tahu golongan angkatan ini tiap-tiap negeri, insya Allah, saya round Malaysia, saya cari kiai-kiai, tok-tok guru yang dikatakan masaeh-masaeh ini berada.

Di zaman konfrantasi tahun 1963, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman melalui Ketua Setiausaha Peribadinya Datuk Nik Hassan telah memanggil kami beberapa orang termasuk Datuk Melan Abdullah, Radin Supatan raenubuhkan satu badan yang dikatakan front bertindak rakyat Malaysia. Ini hendak cerita sejarah konfrantasi sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, salah satu daripada peranan anggota di dalam front bertindak rakyat Malaysia itu ialah menghubungi tok-tok alim, kiai-kiai, tok-tok sheikh, ahli-ahli wirid ini untuk berdoa terus kepada Allah supaya Malaysia ini selamat. Itu sahaja, bukan hendak apa-apa. Bukan hendak ajak orang ini berperang, tidak. Saya pergi mengunjungi sehingga lebih dari 40 orang, kita hendak cari lebih 40 orang. Kita kunjungi di pondok-pondok, di zawiayah-zawiayahnya, halayak-halayaknya, di madrasah-madrasahya, di kampung-kampung yang terceroak. Tok-tok sheikhlah, pak-pak sheikhlah, pak-pak kiaiilah

minta supaya mereka itu berdoa ke khadrat Allah supaya Malaysia ini selamat daripada konfrantasi komunis. Alhamdulillah, selain daripada usaha-usaha politik mengadakan perdamaian di Bangkok dan sebagainya, barangkali doa angkatan Almawakilbul Illahi ini diperkenankan oleh Allah, sebab rakyat Malaysia bermacam-macam jenis manusia, termasuk orang itu juga, berhak mendoakan negara kita aman.

Mengenai dengan LUTH masih juga berlaku kempen mencari jemaah. Orang-orang perseorangan yang mengambil kesempatan mahu mencari jemaah haji. Kerajaan sepatutnya membuat satu akta. Kalau kita tahu bahawa kita boleh mengawal setiap tahun 24, 25 hingga 30,000 jemaah kita dengan baik, kita jangan biarkan rakyat kita terkorban menjadi habuan lintah-lintah darat, manusia-manusia oportunistik, kapitalis-kapitalis kecil yang hendak menanggung keuntungan daripada orang-orang tua kampung yang tidak tahu menahu hendak pergi ke Mekah, Kita mesti keluarkan satu undang-undang - peraturan diwajibkan siapa yang hendak ke Mekah mesti melalui Tabung Haji sama ada dengan Muassasah, dengan package atau Lagi satu, ada tiga, saya terlupa yang satu lagi, pilih yang mana satu. Ini kita hendak membawa rakyat kita kepada suasana yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, B.7 juga Jabatan Perdana Menteri. Dalam negara kita ini selain daripada laki-laki dan perempuan, ada satu golongan lagi yang bukan laki-laki dan bukan perempuan. Allah Ta'ala punya kuasa menjadikan manusia ini tidak laki-laki dan tidak perempuan, iaitu yang disebut 'Mak Nyah' - pondan, begitulah.

Kalau dalatn pengajian saya dahulu di pondok tnengatakan 'khunsa' - khunsawadih dan khunsamusykil, ada dua. Yang saya susah ini, yang tidak wadih dan yang tidak musykil - khunsa yang mengada-ngada, dia taruh hormon dekat badan dia hendak jadikan macatn Mak Nyah. Mengenai dengan golongan Mak Nyah, golongan pondan ini kerana banyaklah ada di dalam negara kita ini mereka yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala sifat-sifat yang seperti itu. Wallahuallam kerana apa mereka dikurniakan sifat-sifat yang seperti itu kita tidak tahu, Allah ta'ala juga yang maha mengetahui. Jadi mengapa berlaku keadaan seperti itu, kita kena mengambil kira. Jadi adakah Mak Nyah yang sebenarnya ini kita hendak definisikan sebagai laki-laki atau kita hendak definisikan sebagai perempuan, itu sahaja.

Soalnya senang, kalau dia kita hendak definisikan laki-laki, dia tak boleh pergi ke tandas perempuan. Kalau dia didefinisikan perempuan, dia tak boleh masuk ke tandas laki-laki, nanti jadi macam filem kartun. Itu undang-undang yang kecil, dari segi hendak buang air kecil. Dari segi undang-undaug yang besar, masalah pusaka, masalah hak hidup dan berbagai-bagai lagi. Masalah hukum tukar jantina dan sebagainya tak tahulah, wallahuallam, tukar jantina ini tukar betul-betul atau tidak. Kalau tukar betul-betul boleh juga kita cuba, Mak Nyah yang sudah tukar jantina daripada laki-laki pergi perempuan itu» saya sedialah hendak mulakan kalau boleh, tetapi emas kahwinnya samalah - \$80 juga kalau di Selangor.

Saya khuatir masalah ini kalau kita biarkan, kalau kita diamkan masalah ini, lama kelamaan 50, 100 tahun akan datang masalah ini akan menjadi serius. Sekarang kita fikir tak ada apa hal, ada 50-60 orang yang dekat Padang Selangor Kelab, kalau betul atau tidak tempat itu, tak tahulah. Kadang-kadang lalu juga pada pukul 2-3 pagi, balik ceramah dan berhenti minum kopi, tiba-tiba "Balik Bang?", kata dia. Alamak, seram bulu roma [Ketawa]. Kita hendak minum kopi dekat warong depan Pejabat UMNO lama itu dia keluar daripada lorong, "Balik Bang", kata dia. Pakai baju batek, gaun, tetapi suara macam gergasi. "Ha, yalah, baliklah ni".

Jadi Parlimen perlu membuat satu enakmen bagaimana hendak mengiktiraf kerana tanpa pengiktirafan dari masalah harta pusaka, kalau dia masuk di Changloon, Bukit Kayu Hitam, di Tebrau atau di Padang Besar atau di Golok, Kastam hendak periksa, pakai baju perempuan, yang memeriksa Polis perempuan, tiba-tiba terpegang "batang tongkat" apa hal? [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, ini kita ketawa, ketawa juga sebab dia Mak Nyah, dia pakai perempuan, jadi yang memeriksa Polis wanita kita, cuba buka awak punya gaun, tengok-tengok "batang tongkat semambu", apa hal? Itu termasuk menjatuhkan maruah atau tidak? Kemudian dia pakai laki-laki, dia pakai seluar jeans ketat, pakai T-shirt, dia punya muscle 3 paun, sekarang kata ada juga orang sembunyikan najis dadah dekat jubor, buka zip awak, dibukanya betul-betul - "kek" apa macam - "lempeng", yang mata-mata laki-laki buka, apa macam? Ini kita kena detinisikan dia betul-betul, jangan main-main perkara yang semacam itu.

Harta pusaka, pemeriksaan tubuh badan oleh Polis dan Kastam, soal undang-undang jenayah, mengenai hukum-hukum syarak kalau dia Islam. Kalau dia bukan Islam bagaimana kalau dia hendak kahwin, itu

semua kena difikirkan. Jadi keadaan ini semua supaya kita akau dapat menentukan supaya golongan ini sebagai rakyat Malaysia yang ingin hidup bersama-sama, tidak akan menganggap dirinya didiskriminasikan atau adakah mereka ini akan diberi taraf sepenuhnya, kalau laki-laki macam laki-laki sepenuhnya atau perempuan macam perempuan sepenuhnya. Kemudian sekarang ini sudah tentu Islam melarang pertukaran jantina dan Islam sendiri tidak menganggap Mak Nyah itu perempuan. Jadi bagaimana kalau dia sudah tukar jantina, adakah dia boleh dinikahi? Itu dia. Jadi kita kena ada hukum, kita kena ada undang-undang.

Kemudian muqadimah zina, ini undang-undang khalwat. Undang-undang khalwat muqadimah zina laki-laki dengan perempuan. Sekarang dia bercumbu-cumbuan, pakai baju perempuan, sekali dia buka rupanya dia laki-laki - Mak Nyah, apa macam hukumnya? Mahkamah Majistret. boleh jadi melarang dia, di bawah perhatian Polis sekian bulan, sekian bulan. Jadi itulah saya mengharap Kerajaan supaya dapat raeentukan perkara ini untuk faedah golongan ini.

Saya masih bercakap dalam Bahagian Jabatan Perdana Menteri, B.7 juga, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita hendak menanamkan perasaan-perasaan yang mulia, akhlak yang mulia, ketamadun ilmu yang tinggi dalam negara kita akibat daripada nilai akhlak yang tinggi, akhlak yang mulia. Dan kita bercakap pula mengenai! dengan nilai akhlak yang rendah, nilai akhlak yang jatuh, nilai akhlak yang sudah bobrok, maka kita terpaksa mengajak umat kita kembali kepada pangkuan ajaran Islam untuk menentukan akhlak yang mulia sebagai benteng yang dapat merempuh cabaran masa depan. Penegakaa Islam, penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran, salah satu daripada caranya. Kemudian penegakan Islam di dalam ilmu pengetahuan,

penghidupan sehari-hari patut kita mulakan. Penegakan ajaran-ajaran Islam di dalam kalangan kita bernegara, bermasyarakat untuk menentukan kekuatan akhlak kita, akhlak negara. Akhlak negara maknanya akhlak rakyat. Jadi kalau rakyat itu berakhlak baik, maka negara ini merupakan sebuah negara yang baik. Sebab itu kita memerlukan satu kempen secara menyeluruh untuk mengisi kehendak Perlembagaan yang mengatakan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, agama rasmi Negara.

Saya mengulang balik ucapan saya beberapa tahun yang lalu. Ucapan Yang Amat Berhormat pada masa itu Dato' Musa Hitam selaku Timbalan Perdana Menteri di satu Seminar Kadi-kadi Seluruh Negara di Kelana Jaya akan menaikkan taraf Mahkamah Syariah sama dengan taraf Mahkamah Majistret. Jadi apakah perkara ini sebenarnya telah dilaksanakan atau belum? Setahu saya sehingga sekarang ini masih dalam keadaan yang lama. Jadi kalau dapat supaya segera perkara yang telah dirancang oleh Kerajaan sekian lama dapat diambil modelnya satu-dua dalam negara kita ini untuk dijadikan contoh bahawa taraf Mahkamah Syariah itu sama dengan taraf Mahkamah Majistret - Majistret kelas 3 pun jadilah. Hakim Syarak ini tinggi kedudukannya, tetapi sekarang dia tak tahu di mana parasnya, di bawah Majistret atau sama dengan Majistret.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, minta maaf, boleh Yang Berhormat meringkaskan ucapan supaya dapat memberi peluang kepada Ahli-ahli lain?

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tak dapat, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ringkaskan, sebab saya sudah bersedia 3-4 bulan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sepertimana saya katakan semalam, saya hendak menjaga martabat Dewan Negara ini supaya perbahasannya menyeluruh dalam perkara-perkara yang saya fikirkan patut kita bahaskan. Ini dia, Tuan Yang di-Pertua, Saya minta maaf, saya bersedia bercakap untuk 3 hari kalau tidak ada ahli-ahli lain yang hendak bercakap, tetapi kalau ada orang lain hendak bercakap, saya bersedia berhenti untuk menghormati Dewan.

Baru-baru ini kita heboh dengan beberapa perkara, saya belum pergi ke Jabatan-jabatan yang lain, baru hendak pergi kepada B.7 sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya sudah sebut sedikit mengenai dengan menyatukan PTA dan PTD, ini dalam B.8 Jabatan Perkhidmatan Awam. Satu kajian yang sedang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kemungkinannya untuk melaksanakan supaya seperti mana kehendak - saya pernah bercakap dalam Dewan ini pada tahun 1984.

Di dalam ucapan saya pada tahun 1984, di dalam buku ini ada, di dalam bulan Disember, 1984 waktu kita membahaskan Belanjawan pada masa itu supaya mereka-mereka yang berada di dalam kategori pegawai-pegawai Kerajaan dalam kumpulan PTA dan PTD itu diletakkan di bawah satu nama kerana pada asasnya pegawai-pegawai di dalam kedua-dua kumpulan ini melakukan satu tugas yang sama iaitu menguruskan pentadbiran sektor awam tetapi dari segi status kedudukan pegawai-pegawai PTD adalah lebih tinggi.

Mereka merupakan golongan elit di dalam sistem pentadbiran negara. Tidak semua pegawai Kerajaan walaupun memenuhi syarat untuk menyertai PTD dari segi kelulusan boleh senang-senang menjadi pegawai PTD. Pemilihan dibuat secara selektif. Sebelum diterima sebagai PTD mereka perlu menjalani kursus selama setahun di INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) dan kemudtan barulah mereka ditempatkan di kedudukan tertentu.

Biasanya tempat yang terbaik dalam sistem pentadbiran Kerajaan ialah pegawai tadbir di daerah-daerah sebagai pegawai-pegawai yang orang kampung anggap begitu tinggi. Dari segi ini menyatukan kedua-dua skim antara pegawai-pegawai tadbir Kerajaan ini boleh meninggalkan kesan yang kurang baik ke atas kakitangan dan ke atas perkhidmatan.

Jadi, menyedari kesan negatif inilah yang nampak oleh saya, maka saya minta supaya segera disatukan kedua-dua perkhidmatan PTD dan PTA ini. kemudian diwujudkan satu skim untuk semua pegawai tadbir sektor awam yang memberi peluang berasaskan kemampuan dan kebolehan bekerja untuk mereka naik pangkat lebih tinggi dalam sektor awam dan ini bermakna bahawa jawatan tinggi dalam Kerajaan seperti menjadi Ketua Pengarah atau Ketua Setiausaha tidak hanya dimonopoli oleh mereka yang berada di dalam kategori PTD seperti sekarang ini .

Kalau saya hendak panjang kes ini. boleh panjang, Tuan Yang di-Pertua, kalau tak mahu panjang saya pendekkan dan pergi kepada B,8 dalam bab yang lain mengenai dengan pengambilan pekerja-pekerja baru dengan gaji murah, tidak sama dengan gaji pegawai-pegawai yang ada. Saya setuju dengan cara ini.

Kalau dahulu barangkali orang-orang yang hendak berkerja menjadi pegawai. Kerajaan, keluar daripada universiti start \$800 sekarang gaji \$500 pun tak apa, asal boleh kerja. Mahu gaji tinggi baru kerja atau mahu kerja asal ada kerja? Itu sahaja soalnya.

Saya menyokong ura-ura Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengambil kakitangan baru dan memberi peluang kepada anak-anak kita yang sudah lulus daripada pusat pengajian tinggi untuk diberi peluang bekerja dengan Kerajaan dengan cepat, jangan mereka itu di-biarkan menganggur sampai tujuh-lapan tahun.

Semalam saya menyebukan apa salahnya wanita-wanita yang suaminya bekerja - ini saya tak habis cakap semalam -wanita-wanita yang bekerja yang suaminya juga bekerja bergaji empat angka, empat angka itu bukan satu, dia mulai dengan dua. Suaminya bekerja pegawai tinggi Kerajaan, gaji. empat angka, yang permulaan itu dua atau tiga. Ini isterinya kalau mengosongkan tempatnya bukankah bagus untuk bagikan kepada adik-adik atau anak-anak.

Ini secara perikemanusiaan bukan maknanya semua wanita termasuk yang gaji \$280 pun mengosongkan tempat. Tidak begitu. Saya punya ucapan semalam itu tak habis. Panjang ceritanya, maknanya kita sama-sama faham ini untuk kepentingan bersama. Saya merayu kepada golongan-golongan ini sebab saya tahu sekarang ini di kalangan guru-guru sekolah sahaja, daripada guru-guru wanita yang mengikuti suaminya bekerja di Kementerian dalam Kuala Lumpur, mereka sanggup

berulang sehingga 40 km ke sekolah untuk pergi mengajar, duduk di Kuala Lumpur. Isteri pegawai tinggi. Kerajaan, dia terus bekerja mencari sekolah, tak ada tempat lagi di sekeliling Kuala Lumpur, tak ada tempat, tak ada sekolah lagi.. Terpaksa sampai ke kampung-kampung yang ada.

Jadi daripada berpayah-payah macam itu, badan penat, alangkah baiknya kalau temberi peluang dengan rasa lapang dada. Aku resign, baguslahj anak buah aku di kampung pun tak bekerja, Macam itulah, semoga peluang itu akan di.terima oleh anak-anak buah atau iparnya atau sapa sahaja daripada anak-anak kita yang keluar universiti yang menganggur.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.12 Jabatan Perpaduan Negara, tadi saya sudah sebutkan sedikit. Jadi, kita mengharapkan supaya Jabatan Perpaduan Negara dapat menjalankan satu kempen tidak akan menyebabkan orang tudah bergaduh ataupun menjalankan satu kempen yang boleh menyebabkan orang tidak akan merasa kluatir di dalam keadaan negara di satu-satu masa kerana kita belum sembuh dengan luka yang pernah kita hadapi pada tahun 1969. Kita belum sembuh dengan luka itu, kalau luka sudah sembuh, tetapi parut masih ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk sekarang ini kepada B.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kita tahulah, melancong ini maknanya merehat-rehat mencari angin bertukar tempat.

Baru-baru ini nampaknya betul-betul Yang Berhormat Menteri Pelancongan kita cukup gigih, seperti mana kata seorang sahabat saya, hendak "menjual Malaysia". Itu betul dan saya menyokong perkataan menjual Malaysia.

Yalah, orang yang faham dalam masalah pelancongan, masalah business studies dan sebagainya fahamlah masalah menjual Malaysia, tetapi bagaimana peringkat pertengahan. Jadi, kita kena fahamkan dahulu kepada rakyat mengapa kita hendak menarik pelancong ke negara kita supaya dapat duit. Itu sahaja caranya, senang kita dapat duit. Pelancong datang bawa duit, kalau tiga juta pelancong datang, seorang belanja \$100, kita dapat \$3 billion. Senang sahaja ceritanya. Tetapi di dalam kita hendak menjadikan negara kita sebagai tempat pelancongan asli. yang terkenal dengan keadaan keasliannya, air terjun yang asli, hutan yang asli, sungai yang asli, gua yang asli, jangan lupa, jangan sampai kita menggadaikan maruah dan moral kerana pelancong-pelancong yang datang tidak semuanya daripada manusia yang mempunyai satu sikap yang sama. Mereka mempunyai rasa-cita, cita-rasa masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk dalam B.25 mengenai Kementerian Pertahanan,

Syukurlah bahawa askar-askar di dalam Angkatan Tentera Malaysia tidak terpaksa masuk hutan dengan berkasut getah atau berselipar. Bersyukur. Tidak terpaksa membawa bekalan sendiri yang dibungkus di dalam plastik pasar atau pakaian seragam yang koyak atau usang, Syukurlah kerana Bahagian Logistik, pembekalan kelengkapan peribadi seseorang askar semakin menjadi licin dan kita tidaklah dengar kalau pun ianya masih berlaku bahawa askar telah siap dilatih tetapi boot atau topinya belum siap penyelenggaraan tendernya. Ini tidak berlaku seperti di negara-negara yang lain. Berlaku korupsi yang hebat di dalam Angkatan Tenteranya. Bekalan makanan dan pakaian disonglap dan sebagainya. Cuma, di sini ada berlaku sedikit cerita-cerita tentang minyak murah yang dibeli oleh sesiapa sahaja yang mahu mengurangkan perbelanjaan cara hidup mereka sebagai orang awam. Minyak murah yang digunakan oleh tank-tank kita itu.

Jadi kita tidak mahu mendengar skandal-skandal seperti senapan moden dan mahal dibeli tetapi kerap berlaku kes-kes pelurunya tidak tendang keluar dan sebagainya daripada magazine, itu tidak mahu dengar. Jadi walau apapun juga yang dibeli ianya sepatutnya diasaskan kepada nilai yang mengambil kira antara lain kemampuan dan keperluan negara di satu-satu masa. Jadi oleh itu banyak lagi yang perlu dilakukan untuk meningkatkan lagi kualiti atau mutu hidup anggota tentera kita terutama sekali soal perumahan yang selesa dan mencukupi masih ditunggu-tunggu. Kita tengok askar-askar kita masih menyewa rumah-rumah haram, duduk di tempat-tempat yang sempit, macam mana mereka hendak sihat untuk menjaga negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pasukan tentera kita ini yang biasa datang daripada kampung, ini tidak menjadi. hal dengan masalah semacam ini. Tetapi kita hendaklah memikirkan bahawa peranan mereka dalam satu-satu masa memerlukan kepada kelengkapan yang lebih cukup, moden, rumah, pendapatan yang ditinggalkan untuk anak isteri. Jadi kita mengharapkan supaya ini dapat diatasi dengan segera.

Sekarang saya pergi kepada B.25 Keselamatan dan Pertahanan.

Kita dengar ada 1,000 orang lebih saki. baki pengganas yang berada di selatan Thai. dan ada 170 lebihkurang yang berada di tanah Semenanjung Malaysia ini. Jadi. saya ingin tahu kalau ada pun 1,000 lebih komunis itu siapa punya? Kita punya komuniskah atau Thai punya komunis? Itu sahaja. Kalau korounis ki.ta, kita serang habis-habisan, bom. Kalau Thai punya, kita pagar kawasan itu, jangan mereka masuk. Betul, sebagai sebuah negara yang bersempadan, kita kena berjaga bersama-sama. Ini memeningkan kepala. Kerana saya pernah bertanya juga dalam Dewan ini, berapa ramai. saki-baki anggota PKM daripada mula sampai sekarang, kalau dulu ada sekian ribu, sudah serah diri sekian ribu, yang tua-tua itu macam Shamsiah Fakeh itu umurnya dekat 70 tahun. Abdullah C.D. umurnya dekat 65 tahun. Takkan orang ini masih duduk dekat celah-celah banjir, celah-celah hutan lagi. Jadi, kalau adalah gerila-gerila PKM daripada orang-orang baru; daripada mana datangnya. Adakah umpamanya daripada anak-anak negara kita atau macam mana. Ini yang perlu kita fikirkan baik-baik.

Kemudian di dalam petnbentangan tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan sebahagian besar daripada bilik-bilik darjah akan diutamakan sekolah-sekolah di. kawasan luar bandar. Saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana memberikan peruntukkan yang begitu banyak.

Mengenai dengan hal pelajaran, B.26 Kementerian Pendidikan.

Sekolah-sekolah telah didirikan di mana-mana, di pekan-pekan, di kampung-kampung untuk menampung kanak-kanak belajar. Anak-anak sekarang pergi sekolah tidak perlu lagi berjalan berbatu-batu. Anak-anak sekarang tidak perlu payah untuk mencari ilmu di tempat-tempat yang jauh. Namun demikian, kekurangan yang berlaku ialah kerana keadaan semula jadi seperti di tempat yang di ulu-ulu dan sebagainya. Namun demikian, kekurangan yang perlu kepada Kerajaan, saya tntina agar segera mengatasinya dengan memperbaiki kemudahan mutu dan lain-lain aspek pembelajaran yang perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk mencapai kepada matlamat dan cita-cita. Kalau dulu kita heboh-heboh dengan keciciran, sekarang sudah tidak ada keciciran, anak-anak kita sudah banyak dapat 5A,

Pengagihan peruntukkan yang lebih besar perlu diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar kerana mereka inilah yang perlu mendapat manfaat kerana kedudukan mereka yang terbiar begitu lama di zaman penjajahan, Kemudahan-kemudahan peralatan, tenaga-tenaga pengajar yang terlatih dan baik sama ada dari.pada maktab perguruan atau guru-guru siswazah sangat berkurangan yang di hantar ke luar bandar. Dan yang saya dukacita mereka ini pula boleh menolak-nolak kalau hendak dihantar ke sekolah-sekolah yang di ulu-ulu, hendak pilih sekolah yang dekat-dekat bandar. Di manakah semangat patriotisma yang dinyanyikan di maktab waktu pagi-pagi menaikkan bendera tetapi apabila keluar maktab hendak di hantar ke Ulu Tembeling minta maaf, dia pilih sekolah di Mentakab. Keadaan yang seperti ini, Kementerian Pendidikan perlu membuat satu kajian, kenapa keadaan seperti ini berlaku, pada hal tidak ada apa-apa pun, guru-guru yang keluar maktab di hantar ke Sabah dan Sarawak beribu-ribu orang tidak ada pun yang kena

demam kuning. Malahan mana yang berani pula, yang sanggup berkorban bernikah dengan orang sana, dapat tanah. Saya ada dua tiga orang budak yang duduk di Niah, dekat Sepupuk sana dia nikah dengan orang sana, dapat tanah 15 - 20 ekar ttdak mahu balik ke sini lagi. Dia tanam dengan lada hitam. Jadi. senang dia di sana kerana kita sama-sama satu negeri sekarang.

Jadi, apabila kita memandangkan bahawa di luar bandar sekarang ini kita kekurangan guru-guru siswazah dalam bidang-bidang tertentu, kekurangan guru did dalam negara kita ini, Sekolah Rendah, Sekolah Kebangsaan mengalami. kekurangan guru 6,820 orang, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina kekurangan 5,688 orang. Guru-guru yang terlatih kita masih banyak kekurangan. Jadi sepatutnya Kementerian ambil perhatian.

Saya pernah bercakap dalam Dewan yang mulia ini sewaktu membahas Belanjawan 1984 supaya kalau kita tidak mampu melahirkan guru-guru terlatih melalui maktab-maktab yang dibuat oleh Kerajaan, benarkan mereka supaya membina maktab-maktab persendirian untuk memberi peluang kepada mereka yang layak dilatih, dijadikan guru.

Kementerian Pendidikan menyelaras tenaga pengajarnya dan tarikh cara peperiksaannya supaya mereka selaras dengan maktab Kerajaan. Dan ini dijawab pada masa itu oleh Yang Berhormat Dato'Khalil sebagai Menteri Pelajaran - "akan dipertimbangkan."

Sekarang ini apabila saya membuat kajian ada satu kursus yang dikatakan KDC - Kursus Dalam Cuti. Sekarang ini berlakulah dalam cuti sekolah ada kursus-kursus seperti itu. Saya rasa ini juga tidak dapat menampung. Ada baiknya dibenarkan, katakanlah sekolah swasta yang ada di Kampung Kerinci, yang dulunya diasaskan oleh Tuan Anwar Ibrahim - Yayasan Anda itu diberi lesen. Di Kota Bharu ada sekolah-sekolah yang besar mampu untuk melatih.

Jadi perkara yang semacain ini. saya rasa tidak boleh hendak dipersulit-sulitkan lagi. Dalam dua tahun, dalam empat tahun kita dapat menyetesaikan masalah kekurangan guru-guru. Ini saya berpandu kepada jawapan Timbalan Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat yang kita kekurangan guru 14,994 orang. Bukan sedikit. Yalah, jawapan yang paling senang ialah keadaan ekonomi meleset.

B.26 juga saya masih bercakap mengenai dengan masalah nasib tulisan Jawi. Nasib tulisan Jawi dalam negara kita ini tenggelam timbul. Apabila ada orang conteng papantanda tulisan Jawi di Pahang, di Johor, di Selangor, di Muar, heboh tulisan jawi dicakapkan balik. Tetapi kenapa B.26 perlu? B.26 makna Kementerian Pendidikan perlu mencari satu jalan, adakah tulisan Jawi ini dianggap sebagai satu perkara yang wajib dihidupkan atau tidak, wajib diteruskan atau tidak? Cakap terus terang, kalau kata tidak penting tutup, kalau penting usahakan. Kalau tulisan Jawi ini penting, kita mesti cari jalan menghidupkannya. Kita adakan pertandingan khat; sana, khat sini, ada pameran itu. Setakat pameran, itu seolah-olah tulisan Jawi setakat pameran sahaja. Saya berharap supaya nasib tulisan jawi ini tidak akan jadi nasib Lebai Malang menang sorak, kampung tergadai.

Tuan Yang di-Pertua, buku teks di sekolah, B.26 juga.

Dakwaan-dakwaannya terdapat kononnya mengatakan buku-buku teks bermutu rendah di sekolah-sekolah sudah sampai, sudah pasti tidak boleh dianggap ringan. Orang tidak akan membuat tuduhan yang melulu atau tidak berasas sekiranya perkara itu tidak benar. Kerana itu bila heboh diperkatakan baru-baru ini, bahawa terdapat kelemahan-kelemahan tertentu dalam buku teks untuk mata pelajaran bahasa atau ko-kurikulum bersepadu dalam sekolah, maknanya KBSM, maka orang ramai meras agak gusar. Jadi, kita sekarang kena tanya, apakah tuduhan ini benar atau tidak. Apakah ia sengaja ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu, pengarang atau penerbit yang karya mereka tidak terpilih sebagai buku teks maka dibuat tuduhan begitu. Kemungkinan ini boleh sahaja kita buat apa-apa, kerana mereka yang

merasakan karya mereka yang terbaik, karyanya sepatutnya jadikan buku teks, Ini dalam perlumbaan hidup biasa. Jadi, dalam hal ini, Kementerian Pendidikan tidak boleh berdiam diri. Dakwaan yang seperti itu hendaklah diterangkan, dijawab. Jika tidak, keyakinan ibu-bapa kepada buku-buku teks yang hendak digunakan, malah yang sedang digunakan akan tercabar. Sebagai ibu-bapa mereka tentu tidak mahu melihat anak-anak mereka menggunakan buku-buku teks yang mengandungi banyak kelemahan, secara langsung atau tidak langsung yang mana itu akan boleh menjejaskan kecemerlangan pelajaran anak-anak mereka.

Sehingga apa yang saya dukacita baru-baru ini timbul mengenai pertelagahan sedikit, polemik di antara Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka mengenai kelambatan percetakan, penterjemahan di antara buku-buku dan sebagainya. Malu jugalah kita baca berita itu. Tetapi apabila saya buat kajian, saya buat siasatan, buku lambat kita salahkan Dewan Bahasa. Kita katalah Dewan Bahasa tidur dan sebagainya. Apabila kita buat kajian, Dewan Bahasa terima senarai buku bulan lapan, bulan sembilan, dia hendak cetak dalam tempoh dua bulan, buku hendak sampai ke kampung, mana boleh jadi, Jadi, tengoklah siapa yang salah. Yang menyediakan senarai buku daripada awal-awal patut senaraikan siap, lekas-lekas hantar ke Dewan Bahasa ini, buku cetak cepat, macam itu, jadi tidak timbul masalah. Maka kerjasama satu badan yang seperti itu di bawah Kementerian yang sama sepatutnya tidak timbul tindakan kerja yang boleh merugikan, timbul rungutan orang ramai,.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang baru-baru ini timbul sedikit rungutan-rungutan orang ramai ialah mengenai program kolej pengajian persediaan, Program ini dimulakan pada 1982 dengan kerjasama beberapa buah badan yang mewakili beberapa buah universiti di luar negara, seolah-olah program ini merupakan macam program universiti kembar untuk pelajar kita menghabiskan tahun-tahun pengajiannya kemudian, Selepas itu barulah anak-anak kita tadi belajar tahun satu, tahun dua di dalam negeri, lepas itu barulah dihantar meneruskan pengajiannya di sana.

Tujuannya yang pertama untuk menjimatkan duit dan kedua untuk menghidari cara supaya tidak terkejut dengan keadaan iklim hidup. Oleh sebab itu, diajar dahulu di sini dan pada 12hb. Disember ada sebahagian daripada anak-anak itu yang akan pergi ke luar negeri. Tetapi pencapaian para pelajar yang terbaik yang dipilih untuk meneruskan sekim itu seperti yang dikehendaki oleh Menteri Pendidikan sangat mengecewakan kerana tidak adanya tenaga pengajar tempatan, sedangkan apa yang kita tahu budaya Amerika yang dibawa oleh pensyarah dari negeri itu meresapi para pelajar di bawah program ini akibatnya disiplin mereka merosot, akhlak mereka menjadi kucar-kacir dan rosak.

Dari segi prestasi akademik pula hanya separuh sahaja mereka yang terlipih menyercai program ini lulus. Ini sungguh mengecewakan memandangkan semua murid yang dipilih untuk memasuki kolej persediaan itu terdiri daripada pelajar terbaik, yang mampu dihasilkan oleh sistem pendidikan negara. Lebih malang lagi mereka yang berjaya juga menghadapi masalah untuk melanjutkan pelajaran ke Amerika kerana universiti yang sepatutnya menerima mereka tidak tahu mengenai program yang dianjurkan oleh empat buah Konsortium itu. Ini seolah-olah membayangkan bahawa pihak yang mewakili Konsortium

itu telah tidak menghubungi universiti-universiti berkenaan untuk mendapat kelulusan. Jika hal ini benar, barangkali kita sudah kena main oleh pihak tertentu di Amerika yang menubuhkan Konsortium sebagai jalan mudah untuk mereka menawarkan kursus untuk para pelajar kita tanpa kebenaran dari universiti. yang kononnya mereka wakili.

Lagi sekali, jika ini benar, jelas ini adalah skandal yang memalukan kerana ia melihatkan pihak-pihak tempatan yang tanpa usul periksa menerima kerjasama empat buah Konsortium tanpa untuk menjayakan program kolej pengajian persediaan itu. Kita harap perkara ini akan disiasat oleh pihak yang bertanggungjawab. Jika terdapat penyelewengan maka pihak yang terlibat hendaklah dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini. lebih 21,000 murid darjah enam telah memohon untuk masuk ke Tingkatan Satu di Maktab Sains MARA (MRSM) di seluruh negara untuk 1988. Demikian kata Pegawai Perhubungan Koperat MARA. Jadi, jelaslah kepada kita sekarang ini. bahawa pencapaian cemerlang pelajar-pelajar maktab-maktab berkenaan dalam peperiksaan yang penting telah mendorong anak-anak kita, murid-murid kita untuk belajar, bekejar ke situ. Tidak kurang pula halnya dengan hasrat di hati ibu-bapa untuk menghantarkan anak-anaknya belajar ke MRSM. Jadi murid-murid yang sedar tentang kebaikan pergi belajar ke maktab-maktab itu berusaha untuk belajar dengan tekun supaya ia dipilih ke situ.

Sehingga ada ibu bapa yang anaknya tidak dapat pergi ke MRSM terpaksa melobi orang-orang politik supaya anaknya dapat masuk ke situ. Jadi, sebenarnya sekarang ini kelulusan cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima tidak mencukupi untuk membantu pemohon dipertimbangkan dipanggil menduduki ujian pemilihan masuk ke MRSM. Pencapaian di dalam ujian pemilihan inilah yang menentukan nasib mereka. Jadi jika terdapat pemohon yang menjadi kumpulan pertama kelas perintis pergi ke KBSR yang dimajukan nama mereka oleh sekolah-sekolah mereka, maka ini adalah merupakan satu perkembangan yang menggambarkan kepada kita untuk membuat satu pencapaian yang baik. Jadi, sekarang ini berapa orang yang dapat diterima masuk ke situ, berapa orang tidak dapat di terima - 20,000 lebih kerana lebih kurang 20,600 orang murid-murid yang hampa yang tidak dapat masuk ke situ. Daripada 21,000 pemohon tadi, yang diterima hanya 1,000 lebih sahaja; 20,000 akan merasa hampa.

Jadi, di dalam Rancangan Malaysia Kelima kita tahu sudah berapa kali dilaungkan bahawa MRSM ini akan dibina termasuklah di Bukit Changgang, Kuala Langat, tetapi saya tengok sampai sekarang tidak ada apa-apa lagi. Jadi supaya kehampaan-kehampaan yang menerima berpuluh-puluh ribu murid, berpuluh-puluh ribu ibu bapa ini akan dapat dibuktikan oleh Kementerian di dalam memberikan peluang pelajaran kepada anak-anak kita,

Tuan Yang di-Pertua, sambil kita menyeru bahawa kita memerlukan kepada anak-anak kita yang belajar lebih tinggi sehingga ke luar negeri dan sebagainya, saya menggesa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, mengharapkan supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat lebih banyak menterjemahkan buku-buku ilmiah asing ke dalam Bahasa

Malaysia. Saya tahu jawapan-jawapan yang akan diberikan nanti, tetapi keperluan negara dan keperluan keadaan sekarang ini memerlukan supaya kalau kita dapat memberhentikan sebahagian daripada kerja-kerja kita dalam terjemah menterjemah ini, ada satu kenyataan daripada Dewan Bahasa - ia mempunyai. anggota sekian puluh orang hendak menterjemahkan sebuah buku ilmiah memerlukan masa yang lama - apa salahnya kalau Dewan Bahasa menggunakan cara beli buku-buku yang diterjemahkan oleh cerdik-pandai kita, kita beli dijadikan hak Dewan Bahasa, hak cetak dilindungi. Jadikan hak Dewan Bahasa, jadikan hak Kerajaan supaya kita dapat mengurangkan belanja. Kalau kita cukup dengan alat, dengan tenaga pengajar dalam negeri, cukup dengan buku-buku dalam negeri, kita tidak perlu barangkali menghantar anak-anak kita belajar ke luar negeri banyak-banyak dalam bidang matapelajaran yang ada di dalam negeri kita kerana Kerajaan terpaksa belanja beribu-ribu juta,

Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menerangkan bahawa sejak tahun 1982 hingga tahun ini. Kerajaan telah membelanjakan \$1,800 juta untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara. Tahun 1982 - 7,900 orang tahun 1983 - 7,755 orang tahun 1984 - 8,737 orang, tahun 1988 - 5,007 orang dengan perbelanjaan yang begitu tinggi. Sebenarnya kita sekarang cuba hendak mengumpulkan duit dalam Tabung Amanah Negara, hendak menyelamatkan generasi yang akan datang. Jadi, ini semua, Tuan Yang di-Pertua, perlu kita fikirkan bersama-sama supaya hasrat sepertimana yang kita cita-citakan di dalam menyampaikan sepenuh-penuhnya kehendak rakyat kita akan tercapai dengan sebaik-baiknya dan kita tidak mahu Kementerian Pendidikan yang diberi nama baru daripada nama lama Kementerian Pelajaran dan kalau cikgu-cikgu dahulu ditukar pula sekarang kepada

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, sudah bukan cikgu lagi, tetapi panggil 'cikgu' juga, cuma titlenya.

Jadi, ini semua adalah satu daya penarik kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan ini, kita salute, kita hormat, kita sanjung tinggi kerana adanya gurulah maka kita boleh membaca dan menulis, kita tahu kerana adanya cikgu yang mengajar kita sifir 2x2, adanya cikgu yang mengajar kita angka daripada 1 sampai 10 tnaka kita boleh membahaskan Belanjawan 1988. Tetapi masalah cikgu-cikgu memang tidak selesai sekalipun baru-baru ini sudah dinaikkan pangkat 6,000 orang daripada guru biasa, Penolong Kanan, Penolong Kanan I, Penolong Kanan II kepada Guru Besar dan sebagainya - 6,000, pun tnasih ti.dak cukup, pun masih tidak puashati, pun masih menemui orang-orang politik minta tolong "Janganlah saya ditukarkan ke tempat itu, jauh sangat". Saya kata: "Berhentiah". Minta tukarlah suka sama suka daripada Johor ke Selangor, dia ingat Selangor dia boleh balik ke Gombak, rupanya kena ke Sabak Bernam, alamak rtatuk! sama juga 200 kilometer. Jumpa orang politik kata macam mana ini, masalahnya awak hendak balik ke Selangor, sudah balik ke Selangor, duduklah di Sabak Bernam 2-3 tahun, makan padi baru dahulu. Jadi masalah ini memang tidak selesai.

Jadi, kita mengharapkan supaya perasaan mereka benamkan dahulu buat sementara waktu, kesihankanlah kepada berpuluh ribu yang tidak kerja. Jadi, macammana Kerajaan hendak menyelesaikan berpuluh tibu yang menganggur yang tidak ada kerja ini, Tuan Yang di-Pertua? Macam mana ini? Ini yang patut kita mesti selesaikan supaya mereka ini tidak akan menjadi duri dalam daging. Yang sudah ada kerja elok-elok, mengajarlah di mana pun sama, cukup bulan pun terima habuan yang seperti itu, jalankan kerja dengan baik. Alhamdulillah,

besok kalau Allah taala beri. rezeki kita mewah, negara ki.ta makmur, harga-harga komoditi kita melambung tinggi, boleh buat suka hatilah,

Saya terima rungutan daripada kumpulan pegawai Kerajaan di Perkhidmatan Pendidikan ini, tidak tahu peluang apa lagi yang akan diberi kepada mereka. Hendak tukar nama, sudah tukar nama, daripada sekolah kayu sudah pergi ke sekolah batu, kita terimalah. "Kalau kita tidak bersyukur dengan pemberian Allah yang ada sekarang ini nanti kita akan menderita."

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bercakap di. dalam Dewan yang mulia ini satu masa dahulu mengenai. dengan beberapa kejadian di selatan tanahair. Saya pernah bercakap bagaimana pesawat-pesawat udara yang turun berlegar-legar dt kawasan FELDA di Kota Tinggi, di Adila - tidak ada jawapan pada masa itu. Saya pernah membangkitkan bagaimana pesawat udara bermain-main di Tanjung Labuh, Batu Pahat. Saya pernah bangkitkan bagaimana berlaku penyeludupan pasir daripada selatan Johor ke seberang - pun tidak ada jawapan, "Tak apa, depa main-main mai sini". Dan yang akhir sekali ini di Muar, masalah seperti yang dibangkitkan iaitu 4 orang askar dart sebuah negara asing di Sungai Melayu berhampiran dengan Gelang Patah dan bagaimana pula dengan berlakunya penyeludupan di Sungai Chokro di kawasan Kukup dan Pontian.

Apakah ini juga nanti, tidak apalah, kita tolak ansur. Ini bukan zaman tolak-ansur, Kita tidak kata pertahanan kita lemah dan kita tidak kata yang menjaga perairan kita tidur, tidak. Tetapi apakah kita cukup dengan hanya perasaan, dengan hanya perkataan "I am sorry", minta izin, Tuan Yang di-Pertua.

Cukupkah dengan pihak itu mengatakan, "kami minta maaf"? Cukupkah dengan itu? Cuba kalau kita pergi ke sana, kita pergi seberang, kita letak tiket parking kita, sungguhpun kita tebuk, tetapi tebuk itu tidak tanggal, lihat, saman terbentang. Tidak ada ampun maaf lagi. Kalau hari minggu hari itu, tunggu hari esok. Boleh kita minta maaf, kerana salah tebuk? Kami sudah tebuk tetapi dia tidak tanggal kertasnya. Kalau biasa pergi ke sana, ini buku parking. Dengan cara macam ini boleh kita hanya dengan...,"ah! inilah lemahnya budaya kita ini. Orang minta maaf, "tidak apalah, tidak apa sama-sama ya."Cukuplah dengan pengajaran-pengajaran, cerita-cerita sejarah yang lalu sepatutnya menjadi peringatan kepada kita. Tidak tahulah sama ada ini perjanjian atau macam mana? Tetapi alhamdulillah, sekarang ini kurang sangat anak-anak kita, orang-orang kita apabila cuti sekolah pergi makan angin ke sana kerana barangkali terfikir, selama 10 tahun buat rombongan demi rombongan \$10 potong \$2, kalau \$1 juta potong berapa ratus ribu, kalau lama-lama dia boleh tegakkan rumah di perairan, kita melopong.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara, saya hendak masuk dalam B.27 Kementerian Luar Negeri, mengenai dengan seminar Malaysia/Thailand, mengenai perdagangan dua hala yang diadakan di Golok, di Selatan Thailand. Seminar itu diadakan di sana, tujuannya ialah supaya membuat anjuran bersama Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia, Cawangan Kelantan dengan Dewan Perniagaan Selatan

Thailand supaya dapat terus digalakkan. Tetapi baru-baru ini ada perintah mengatakan bahawa dengan adanya tidak berhentinya keretapi di Perlis menyebabkan tentera semut porak-poranda. Jadi masalah aekarang ini ialah kerana masalahnya ada beras murah dari Thai, bekalan minyak masak sawit yang tidak mahal dari Malaysia dua faktor yang mendorong tentera semut tadi mengambil kesempatan.

Semalam juga saya sudah menceritakan bagaimana air batu untuk menyejukkan ikan di Kuala Besut itu dibawah dari Golok, dari Menora, dari Patani. Berapa cukai yang Kerajaan dapat dripada air batu itu kalau dibandingkan dengan cukai yang diuntungkan itu, dengan membina sebuah kilang air batu itu di Kuala Besut atau di Semerah atau di Pasir Puteh dan sebagainya? Mungkin tadi kita sudah bersoal jawab raenv;enai dengan LPN, LPP dan sebagainya. Kita harapkan supaya serainar Malaysia/Thai mengenai bidang perniagaan perdagangan dua hala ini dapat menguntungkan kedua-dua pihak, dapat menguntungkan rakyat-rakyat kedua-dua pihak, dapat menguntungkan Kerajaan kedua-dua negara, Kita tidak mahu untung sehala sahaja. Kalau untung sehala sahaja, tidak dinamakan perjanjian dua hala.

Tadi dlbangkitkan dalam soalan, adakah Kerajaan sedar bahawa penyeludup-penyeludup itu mempunyai kaki-kaki. Saya membuat tinjauan di Kelantan dan di Terengganu. Saya hendak menyalahkan siapa pun, saya tidak tahu. Tetapi yang kena rampas beras ini ialah beras orang yang merabawa segantang, dua gantang. Saya tidak tahulah kalau ada trailer-trailer yang besar semata-mata membawa ikan-ikan kering atau keropok daripada sana, saya tidak tahu. Orang marah, orang tidak puas hati dengan Kerajaan. "Kenapa yang kena rampas ini beras orang-orang yang membawa segantang, dua? Ini memang untuk dimakan." Kenapa ini berlaku? Kita hendak bercakap banyak-banyak

pun tidak sedap, "cubit peha kanan, peha kira sakit. Tepuk air di dulang nanti kena dekat muka kawan-kawan sendiri". Tolonglah ambil perhatian, kalau hendak tangkap, tangkap betul-betul yang ikan tuna, ikan-ikan jerung, paus, jangan ikan kerisi. Ikan kerisi ditangkap untuk buat keropok sahaja, ikan bilis buat makan dengan nasi lemak. Tetapi ikan jerung, ikan paus yang boleh menumbangkan tongkang dan sampan dibiarkan berlegar di atas jalanraya. Ada apa-apakah?

Tuan Yang di-Pertua, ini masalah Memang ini kita tahu salah, rombongan daripada Selangor naik satu bas buat lawatan pergi ke Kelantan, balik belilah beras pulut dua gantang dekat Rantau Panjang, habis kena rampas semua. Apa salahnya orang-orang Selangor beli beras pulut dua gantang di Rantau Panjang bawa balik hendak dimakan. Memanglah kalau dalam Akta ini, memindahkan beras daripada satu negeri ke satu negeri memang salah. Tetapi apa salahnya kalau itu diberi kelonggaran. Orang Selangor buat lawatan ke Kelantan pergi ke Rantau Panjang, beli beras pulut dua gantang hendak bawa balik, hendak belajar masak nasi dagang, sampai di Guntung dekat Setiu, kena tahan. Habis bertaburan. Jadi maki hamunnya di sepanjang jalan kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, B.17. Saya masuk dalam perkara Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya, adakah pencapaian ahli-ahli sukan kita di Jakarta baru-baru ini membanggakan atau tidak? Kalau hendak bercakap banyak-banyak, nanti tepuk air di dulang juga, tidak cukup alat, tidak ada track dan lain-lain. Dengan dapatnya beberapa pingat emas, perak atau gangsa itu, adakah sekarang ini melihatkan ahli-ahli sukan kita di Sukan SEA di Jakarta itu memuaskan atau tidak. Kalau tidak apa sebabnya? Kalau belum apa sebabnya. Kalau

tidak cukup belanja - B.17 diperuntukkan \$30,114,100 juta. Kalau tidak cukup kita minta tambah lagi esok. Begitu juga dengan B.17 ini mengenai dengan membantu belia-belie berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru kita mengadakan Rancangan Belia Niaga, Belia Ladang, Belia Tani, Belia Ternak dan sebagainya, Kerajaan melalui Pejabat-pejabat Daerah, Kerajaan melalui peruntukan Wakil-wakil Rakyat meluluskan pembinaan kereta sorong, gerai-gerai di permukaan kampung dan sebagainya. Kita lihat mercup tumbuh bagai cendawan tumbuh selepas hutan. Tetapi sekarang ini kalau kita buat kajian, kebanyakan daripada cerita-cerita itu hanya menjadi kenangan manis sahaja, kerana kita sendiri menanamkan konsep bahawa memberi bantuan kepada belia-belie berniaga ini sekadar sementara engkau belum mendapat kerja. Apabila engkau dapat kerja nanti, tinggalkanlah. Rugi tidak apa, tidak pulang balik pun tidak apa, tidak bayar pun tidak apa-apa. Ini yang menjadi masalah. Kita menanam konsep bahawa berniaga ini terus untuk hidup untuk membina keluarga yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung sedikit lagi pada esok hari.

Tuan Haji Shahrom bin Maasom: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang hari Jumaat 4.12.1987.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.

**(Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 29
adalah diberi di bawah ini]**

PENDATANG HARAM INDONESIA

17. **Puan Valli Muthusamy** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pendatang haram Indonesia di:
 - (i) Semenanjung Malaysia;
 - (ii) Sabah dan Sarawak;
- (b) adakah tindakan diambil untuk menghantar balik pendatang-pendatang haram tersebut;
- (c) apakah masalah keselamatan yang ditimbulkan oleh pendatang haram ini dalam negeri; dan
- (d) adakah sebarang bukti mungkin seorang daripada pendatang haram tersebut terlibat dalam aktiviti pengintipan dalam negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato'Megat Junid bin Megat Ayob]: Kerajaan tidak mempunyai sebarang perangkaan mengenai jumlah pendatang haram Indonesia sama ada di Semenanjung, Sabah atau Sarawak. Ini disebabkan mereka tidak masuk melalui pintu masuk yang sah untuk membolehkan maklumat mengenai mereka diambil.

Sekiranya pendatang haram ini dikesan, mereka akan ditangkap, didakwa dan kemudiannya diusir keluar dari negara ini.

Setakat ini pendatang haram Indonesia tidak menimbulkan masalah keselamatan dan tiada bukti yang menunjukkan ada di antara mereka terlibat di dalam aktiviti yang boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan negara.

HARGA BARANGAN UTAMA

18. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, bagi menjamin harga komoditi seperti getah dan kelapasawit sentiasa stabil:

- (a) menghadkan keluasan tanaman yang tersebut;
- (b) tidak membenarkan petani-petani menukar jenis tanaman dengan sesuka hati.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:

- (a) Harga barangan utama Malaysia seperti getah dan minyak kelapasawit adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor permintaan dan bekalan di pasaran antarabangsa. Sungguhpun Malaysia merupakan pengeluar utama dunia bagi getah dan minyak kelapasawit, akan tetapi terdapat juga pengeluar-perigeluar lain bagi barangan utama yang berkenaan. Oleh yang demikian cadangan untuk menghadkan keluasan bagi tanaman-tanaman eksport tersebut tidak akan memberi apa-apa kesan untuk menstabilkan harganya jika sekiranya pengeluar-pengeluar lain tidak juga menghadkan keluasan tanaman eksport mereka. Tambahan pula, di Semenanjung Malaysia tanah yang sesuai bagi tanaman adalah semakin berkurangan oleh kerana pembukaan/pembangunan tanah yang pesat pada masa lalu. Oleh yang demikian, dengan sendirinya menghadkan pembukaan kawasan tanah bagi tanaman eksport yang lebih besar.
- (b) Permohonan untuk menukar syarat penggunaan tanah boleh dipertimbangkan oleh pihak berkuasa negeri mengikut peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara Akta 56/1965 dan kaedah-kaedah tanah negeri.

PEIABUR ASING

19. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil lawatan beliau ke luar negeri untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negeri kita. Berapa banyakkah negara-negara asing yang telah melabur di negara kita dan jumlah besar pelaburan mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G.Pandithan]: Saya ingin menerangkan terlebih dahulu bahawa hasil sesuatu rombongan itu tidak dapat dikesan dengan serta-merta kerana pelabur-pelabur asing memerlukan masa untuk meneliti cadangan mereka serta tawaran yang diberi oleh sesebuah negara itu. Biasanya hasil sederaijian dapat dikesan di antara 1 hingga 3 tahun dan kadang-kadang lebih lama lagi.

Kejayaan rombongan-rombongan galakan pelaburan ini dapatlah dilihat daripada perangkaan-perangkaan jumlah pelaburan modal asing dalam projek-projek milik asing disektor pembuatan yang telah diluluskan dari tahun 1983 hingga Oktober 1987 seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Modal Asing (M\$ juta)
1983	329.1
1984	332.1
1985	361.3
1986	524.5
1987 (Oktober)	455.8
Jumlah:	2,002.8

Sehingga kini terdapat lebih dari 32 buah negara asing yang telah melabur di negara kita.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

20. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latiff** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan bahawa sama ada benar Kementerian hanya menitikberatkan kemajuan Pelancongan dan mengabaikan perkembangan dan kemajuan Kebudayaan Kebangsaan. Jika tidak, apakah rancangan Kerajaan bagi memajukan Kebudayaan Kebangsaan supaya ianya benar-benar dapat dibanggakan oleh negara dan dihormati oleh negara asing di masa kirti dan akan datang,

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Ingin ditegaskan adalah tidak benar dakwaan bahawa Kementerian ini hanya menitikberatkan kemajuan pelancongan dan mengabaikan perkembangan dan kemajuan Kebudayaan Kebangsaan. Ini jelas dilihat dari nama Kementerian ini sendiri iaitu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sungguhpun Kerajaan telah memberi peruntukan yang lebih bagi tujuan pelancongan tetapi ianya tetap boleh digunakan bagi tujuan mengembang dan memajukan Kebudayaan Kebangsaan. ini kerana Kebudayaan Kebangsaan itu merupakan identiti negara dan daya tarikan kepada para pelancong,

Dalam usaha memajukan Kebudayaan Kebangsaan Kementerian ini sedang mengatur melalui rancangan seperti aktiviti-aktiviti kebudayaan atau kesenian melalui kegiatan Kompleks Budaya Negara, pertukaran kebudayaan, dialog, seminar dan persidangan mengenai Kebudayaan Kebangsaan sama ada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa, menerapkan unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan dalam seni bina, kesenian, ukiran, pakaian, cara hidup dan lain-lain lagi,

Kementerian juga sedang berusaha untuk mengubahsuai Dewan Tunku Abdul Rahman supaya, di samping dijadikan Pusat Penerangan Pelancongan, Dewan ini juga akan dijadikan tempat pertunjukan kesenian dan budaya secara berterusan. Di samping itu Kementerian juga sedang mengambil langkah untuk menambah jumlah penggerak kesenian yang terdapat di Kompleks Budaya Negara.

Kementerian ini juga memperoleh kerjasama pelbagai pihak sama ada pihak awam maupun swasta, dalam melaksanakan program kebudayaannya.

JAMINAN KEWANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI

21. Dato' Dr. K S. Hijhar minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Kerajaan Persekutuan enggan memberikan jaminan kewangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk projek-projek peringkat negeri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jika diperlu, Kerajaan Persekutuan memberikan jaminan ke atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh agensi dan syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri yang melaksanakan projek-projek pembangunan di peringkat negeri masing-masing. Setakat ini, jumlah jaminan yang diberi bagi pinjaman untuk projek-projek Kerajaan Negeri ialah \$4,360.10 juta.

[Soalaa No 22. Sila lihat jawapan No. 6 pada 30.11.87].

PENERBITAN MAJALAH BERBENTUK HASUTAN

23. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd, Said** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pihak Kementeriannya bercadang meminda peruntukkan undang-undang mengenai bahan-bahan cetak untuk memberi kuasa yang lebih kukuh kepada Kementerian Dalam Negeri dalam pelaksanaan dasar negara terhadap segala pengedaran majalah atau risalah yang boleh menimbulkan salah faham, syak-wasangka atau huru-hara di kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia memandangkan baru-baru ini sebuah majalah dari luar negeri telah berjaya mengedar majalah tersebut di Malaysia dengan bebasnya, walaupun majalah tersebut mengandungi bahan-bahan atau berita yang sensitif atau berdasarkan kepada khabar-khabar angin atau andaian sahaja. Majalah tersebut dikatakan telah disemak oleh Kementerian Dalam Negeri dan diluluskan untuk jualan tempatan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedang mengambil tindakan untuk meminda peruntukan-peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Akta tersebut perlu bagi tujuan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pencetak dan penerbit yang mencetak dan memuatkan rencana-rencana atau bahan berita dalam majalah-majalah atau risalah yang boleh menimbulkan salah paham, syak-wasangka atau huru-hara di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Kementerian ini senantiasa mengawasi dan mengkaji rencana-rencana atau bahan berita yang dimuatkan dalam tiap-tiap majalah dari luar atau dalam negeri. Sekiranya terdapat rencana atau bahan berita yang berbentuk hasutan, memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara, tindakan tegas akan diambil terhadap penerbit dan pencetak majalah berkenaan mengikut undang-undang.

PEMBAKARAN MASJID DI PAHANG

24. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil siasatan Kementerian ini mengenai peristiwa pembakaran masjid di beberapa tempat di Pahang baru-baru ini. Adakah Kerajaan sedia mengeluarkan kertas putih untuk mendedahkan kegiatan puak-puak atau mereka-mereka yang biadab itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tjntuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan Kerajaan setakat ini telah menghasilkan beberapa maklumat yang berkaitan dengan pembakaran masjid-masjid di Daerah Pekan dan Temerloh dalam bulan Ogos yang lalu. Namun demikian, pihak Kerajaan atau Polis tidak boleh memaklumkan maklumat pada waktu ini supaya tidak menjejaskan siasatan lanjut yang sedang dijalankan oleh pihak polis.

Setakat ini tidak ada cadangan untuk mengeluarkan kertas putih. Apa-apa penjelasan yang hendak dibuat mengenai peristiwa pembakaran masjid bergantung kepada siasatan tersebut.

FELDA DI SARAWAK DAN SABAH

25. **Puan Hajjah Salbiah binti Mohd Akim** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah Kerajaan bercadang membuka tanah rancangan di Sarawak dan Sabah memandangkan masih banyak tanah yang belum diterokai dan jika ia, adakah kemungkinan pengambilan penerokanya dipilih dari seluruh negara iaitu khasnya dari Semenanjung Malaysia.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud]: FELDA telahpun mula membuka dan memajukan tanah di Negeri Sabah dan Sarawak. Luas kawasan yang telah dan sedang dimajukan setakat ini adalah seperti berikut:-

Negeri	Luas/Hektar
Sabah	57,000 hektar
Sarawak	660 hektar

Pemilihan peneroka di kedua-dua negeri itu adalah bergantung kepada dasar Kerajaan Negeri berkenaan. Biasanya keutamaan adalah diberi kepada anak negeri. Jika Kerajaan negeri berkenaan menjalankan dasar raembuka peluang kepada negeri-negeri lain, kemungkinan calon-calon daripada Semenanjung dapat ditempatkan di rancangan-rancangan yang dimajukan di Negeri Sabah dan Sarawak. buat masa ini Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak belum membuat keputusan mengenai perkara ini.

MAS - KAJIAN PASARAN/PERKHIDMATAN KERETAPI

26. **Tuan Poon Boon Liang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk membuka satu penerbangan dari Kuantan ke Kota Bharu oleh sistem MAS untuk memberi perkhidmatan kepada orangramai bagi tujuan membolehkan para pelancong, orang tua dan peniaga-peniaga menjalankan urusan peribadi dan perniagaan di kedua-dua negeri ini; dan
- (b) bilakah Kementeriannya akan mula melaksanakan projek perkhidmatan keretapi dari Kuala Lumpur ke Kuantan.

Menteri Pengangkutan [Dato Dr. Ling Liong Sik]:

- (a) Adalah menjadi amalan biasa Kementerian Pengangkutan dan MAS untuk membuat kajian pasaran dari masa ke semasa dengan tujuan untuk menambahkan lagi rangkaian perkhidmatan udara di sektor dalam negeri dan ke sektor domestik tertentu di mana ia belum lagi mengadakan perkhidmatan. Kajian pasaran tersebut akan menentukan sama ada viable atau tidak untuk mengadakan perkhidmatan bagi sesuatu sektor, berasaskan kepada jumlah dan pengaliran trafik di atas sektor tersebut.

Dalam hubungan ini, saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa kajian pasaran tersebut juga meliputi sektor Kuantan ke Kota Bharu pergi balik dan

sekiranya kajian tersebut mendapati sektor ini adalah viable, maka MAS akan menimbang kemungkinan untuk memulakan perkhidmatan sektor Kuantan/Kota Bharu itu.

- (b) Kajian kemungkinan dan pre-kejuruteraan projek keretapi Timur-Barat yang melibatkan Pahang, Trengganu dan Kelantan telahpun siap dijalankan. Projek ini akan menghubungkan bandar-bandar seperti Pelabuhan Kelang, Kuala Lumpur, Bukit Tinggi, Bentong, Temerloh, Kuantan, Kemaman dan Kerteh. Walau bagaimanapun, jumlah kos bagi keseluruhan projek keretapi Timur - Barat Fasa I ialah lebih kurang \$2.5 ribu juta.

Memandangkan kepada kos pelaksanaannya begitu tinggi dan dalam keadaan keraelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masakini, projek pembinaan keretapi baru ke Pantai Timur ini adalah salah satu projek yang telah ditangguhkan pelaksanaannya. Kerajaan belum lagi membuat keputusan tentang bila hendak melaksanakan projek ini.

LAGU KEBANGSAAN - PEHGHORMATAN

27. **Tuan Hohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan dan memberi penjelasan mengenai penghormatan rakyat terhadap lagu kebangsaan negara di mana:

- (a) sejauh manakah rakyat perlu menghormati lagu kebangsaan negara sepertimana amalan di negara Jepun dan Thailand - sama ada ia hanya untuk tempat yang tertentu atau upacara rasmi sahaja;
- (b) tidakkah pihak Kerajaan sedar bahawa tanpa paksaan melalui undang-undang, menghormati lagu kebangsaan oleh sebilangan rakyat tidak akan berlaku dan apa pula tindakan pihak Kerajaan dalam menentukan bahawa lagu kebangsaan akan dihayati dan dihormati oleh seluruh rakyat negara ini; dan
- (c) tidakkah Kerajaan sedar, tanpa penghormatan dan penghayatan ke atas lagu kebangsaan akan menimbulkan semangat tidak cintakan negara, semangat untuk tidak menghormati Perlembagaan Negara; dan jika ini berlaku apa akan terjadi kepada perpaduan di mana ada rakyat yang menghormati dan ada yang tidak dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengawalinya.

Tuan Othman bin Abdul: Penghormatan kepada Lagu Kebangsaan, Negaraku telah pun dijadikan satu undang-undang semenjak tahun 1968. Ianya termaktub dalam Akta Lagu Kebangsaan 1968.

Akta tersebut antara lain telah menentukan cara mana menghormati lagu kebangsaan dan denda kerana kesalahan tidak menghormati lagu tersebut.

Apabila lagu kebangsaan dimainkan atau dinyanyikan atau apabila naskah ringkas atau naskah pendek dimainkan, semua orang yang hadir hendaklah berdiri sedia sebagai suatu tanda hormat kecuali lagu tersebut dimainkan atau dinyanyikan dalam masa sesuatu penyiaran atau sebahagian daripada satu penyiaran filem.

Keengganan menghormati lagu kebangsaan dengan tiada sebab yang munasabah dan apa-apa perubahan yang mungkin merendahkan kemuliaan lagu kebangsaan pada pandangan awam bolehlah di sifatkan sebagai perbuatan tidak hormat.

Untuk memastikan lagu kebangsaan dihormati dan dihayati, pihak polis telah diberi kuasa menangkap dengan tiada waran mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta Lagu Kebangsaan 1968. Kesalahan kerana tidak menghormati lagu kebangsaan di mana-mana tempat awam boleh didenda tidak lebih daripada 100 ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu bulan.

JAWATAN KOSONG

28. **Puan Habidah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah jawatan-jawatan kosong yang belum diisi dalam negara ini.

Tuan Othman bin Abdul: ada masa ini terdapat sebanyak 185,080 jawatan kosong bagi keseluruhan sektor awam,

AHLI DEWAN NEGARA DIPILIH

29. **Tuan Lia Heng Tee** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) sebagai satu teguran yang utama terhadap Dewan Negara ialah semua ahli-ahlinya adalah dilantik. Adakah Kerajaan akan menimbang supaya membenarkan sebilangan dari Ahli-ahli Dewan Negara untuk dipilih supaya dapat meningkatkan lagi imej dan kredibiliti Dewan tersebut;
- (b) adakah kerajaan akan menimbang untuk menambah bilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Negeri-negeri supaya memberi perwakilan yang lebih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua Ahli Dewan Negara dilantik. Seramai 26 orang, termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri., adalah dipilih (elected) di bawah peruntukan 45(1) (a) Perlembagaan Persekutuan oleh Dewan-dewan Undangan Negeri masing-masing. Imej dan kredibiliti Dewan Negara tidak bergantung kepada cara keanggotaannya diisi tetap adalah bergantung kepada anggota-anggotanya sendiri.
- (b) Soal untuk menambahkan lagi bilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tidak timbul oleh kerana setakat ini tiada peruntukan bagi Kerajaan-kerajaan negeri dilantik (appoint) Ahli-ahli Dewan Negara.

